


[TELAH DISEMAK]

Jilid 1
Bil. 13

Khamis
29 Jun 1995



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Keputusan Bekalan Tenaga Elektrik di Pulau Pinang
— Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

[Ruangan 16]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1995

[Ruangan 18]

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995

[Ruangan 30]

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1995

[Ruangan 34]

Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 1995

[Ruangan 34]

USUL-USUL:

Keputusan Bekalan Tenaga Elektrik di Pulau Pinang
— Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

[Ruangan 40]

Akta Kastam 1967

[Ruangan 61]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1994;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1995;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1995;

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1995;

Akta Eksais 1976	[Ruangan 64]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1994; Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1995;	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	[Ruangan 46]
Usul Merentikan Kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 90	[Ruangan 58]
PENYATA KHAS JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN RAKYAT, PARLIMEN YANG KESEMBILAN	[Ruangan 65]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

-
- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K., (Kulim – Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).

-
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).

Yang Berhormat PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

-
- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATO' YAP PIAN HON (Serdang).

- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 29hb Jun, 1995

Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENERBANGAN CHARTER —
SYARAT PEMBERIAN PERMIT

1. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin
minta Menteri Pengangkutan
menyatakan:

- (a) berapakah jumlah syarikat yang telah diberikan lesen penerbangan charter;
- (b) apakah syarat-syarat yang ditetapkan bagi pemberian lesen tersebut; dan
- (c) apakah usaha kerajaan dalam melahir dan meningkatkan industri penerbangan daripada syarikat tempatan khususnya dalam bidang penerbangan charter.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah syarikat-syarikat yang telah diberikan permit perkhidmatan udara yang tidak berjadual bagi penerbangan charter sehingga kini ialah sebanyak 31 buah syarikat.

(b) Syarat-syarat yang ditetapkan bagi pemberian permit tersebut di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh;
- (ii) mempunyai keupayaan teknikal;
- (iii) mempunyai kemahiran dan kebolehan untuk memberi perkhidmatan yang dipohon;
- (iv) mempunyai peraturan pemilikan bumiputera sekurang-kurangnya 30% dalam bidang pengurusan, modal dan pekerja;
- (v) memenuhi "safety standard" yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam.

(c) Kerajaan sememangnya sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat tempatan bergiat dalam bidang penerbangan charter sejajar dengan dasar kerajaan untuk menjadikan negara destinasi pelancongan yang utama di negara ini. Hal ini jelas daripada jumlah pengeluaran permit perkhidmatan udara tidak berjadual yang telah dikeluarkan iaitu kesemuanya kepada syarikat-syarikat tempatan. Justeru itu, terpulanglah kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk bersaing dan memajukan syarikat masing-masing dalam bidang ini dan kementerian sentiasa boleh memberi bimbingan dan nasihat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini MAS menyatakan adalah tidak menguntungkan untuk membuat penerbangan berjadual ke lapangan terbang-lapangan terbang kecil. Memandangkan kepada perkara ini, adakah kerajaan bercadang untuk membawa charter ke lapangan terbang yang MAS tidak mahu pergi?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:
Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang berkenaan adalah pandangan MAS, ia belum lagi merupakan pandangan kerajaan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah syarikat-syarikat yang diberi lesen penerbangan charter dikenakan kawalan keselamatan dan operasi yang sama ketat seperti yang dikenakan kepada MAS?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:
Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu.

**PELAN INDUK PENGAIRAN DAN
SALIRAN — MENGENAL
PASTIKAN KELEMAHAN DAN
LANGKAH MENGATASINYA**

2. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada semua negeri-negeri di Malaysia mempunyai plan induk pengairan dan saliran;
- (b) dalam usaha untuk memperdalam dan mencantikkan sungai berapakah jumlah peruntukan bagi tiap-tiap negeri di seluruh negara; dan
- (c) kemajuan yang dicapai bagi mencantikkan sungai-sungai di seluruh negara dan apakah kelemahan yang dikenal pasti dan langkah untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau,

- (a) Adalah dijelaskan bahawa program dan projek pengairan dan saliran sedia ada telah digubal berasaskan kepada Dasar Pertanian Negara yang terkini serta plan dan dasar pembangunan yang berkenaan di peringkat negeri.

- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM431 juta telah diluluskan bagi program tebatan banjir yang ada kaitan dengan memperdalam dan mencantikkan sungai dan pengagihan peruntukan tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>RM juta</i>
Perlis	24.28
Kedah	29.85
Pulau Pinang	46.96
Perak	16.82
Selangor	21.49
Negeri Sembilan	25.30
Melaka	19.80
Johor	6.80
Pahang	14.44
Terengganu	2.43
Kelantan	46.51
Wilayah Persekutuan	151.00
Sabah	18.22
Sarawak	7.30
JUMLAH:	431.20

- (c) Melalui kempen "Cintailah Sungai Kita" yang dilancarkan pada 20hb Februari 1993 dan di bawah aktiviti Sungai Angkat, sebanyak 101 kawasan persekitaran sungai telah dibersihkan dan diindahkan. Di samping itu, sebanyak 29 kawasan persekitaran sungai di kawasan bandar telah dikenal pasti dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan untuk dibersihkan dan diindahkan supaya menjadi pusat rekreasi orang

ramai. Dalam usaha untuk mencantikkan sungai-sungai di seluruh negara, kelemahan-kelemahan utama juga dikenal pasti termasuklah kawasan rizab sungai yang sempit, masalah setinggan dan pencemaran air sungai. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah tersebut ialah dengan meningkatkan penglibatan dan penajaan kerja-kerja pengindahan sungai oleh pihak swasta, pengwartaan rizab sungai, penguatkuasaan undang-undang dan peningkatan kesedaran orang ramai supaya bersama-sama memelihara dan mencantikkan sungai.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia yang bermutu dan paling tinggi itu adalah sukar difahami. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memahami soalan saya. (*Sorak*) Soalan saya ialah, dengan adanya pelan-pelan induk pengairan dan saliran, dengan tujuan untuk membanteras banjir, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkeyakinan bahawa banjir-banjir dapat diatasi dengan projek pengairan dan saliran sungai sahaja kerana masalah banjir bukan diakibatkan oleh sungai sahaja? Longkang yang tersumbat boleh menyebabkan banjir, perparitan yang dirosakkan oleh pihak yang tertentu juga akan menyebabkan banjir, maka kalau hanya saliran air sungai dipertingkatkan tetapi tanpa peningkatan punca-punca yang lain, macam mana banjir ini dapat di atasi? Satu cukuplah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, memang kerajaan sedar bahawasanya, walaupun kita ada pelan induk, tetapi kalau penduduk tempatan tidak

menjaga sungai, selama itulah masalah banjir tetap akan berlaku. Kerajaan memang sedar bahawasanya pelan induk yang sudah dikenal pasti itu akan kita usahakan dan akan menjamin, insya-Allah, kita akan terus mencuba untuk mengatasi banjir.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya tentang kecantikan sungai. Kawasan saya ada sungai, yang di sana tadi tidak ada sungai. Tentang kecantikan sungai ini, sebelum itu, tentang cantik ini, Ahli Pokok Sena pun cantik hari ini, dia pakai 'bowtie' (*Ketawa*). Tentang kecantikan sungai kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk mencantikkan sungai sebab ini merupakan harta kekayaan negara dan kita mengucapkan syabas. Persoalan saya, walaupun kita mencantikkan sungai, bagaimana dengan kualiti air itu sendiri, sama ada kita akan turut juga membersihkan sungai itu sendiri supaya dengan kualiti airnya, anak-anak kita boleh pergi ke sungai yang cantik dan boleh juga digunakan sungai itu kerana airnya bersih?

Nampak gayanya banyak sungai kita itu sekarang ini airnya tidak begitu bersih dan kadang-kadang mutunya amat berbahaya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin. Jadi, kerajaan memanglah sedar bahawasanya kecantikan tidak semestinya airnya bersih. Tetapi apa yang kerajaan lakukan dengan mengadakan kempen 'Cintai Sungai Kita' jelas kita menyedarkan anak-anak murid kita ataupun semua golongan masyarakat mengambil bahagian ini. Antara penglibatan yang telah kita kemukakan ialah mengambil sungai sebagai anak angkat. Kita juga ada pemerhatian sungai, iaitu ada sekolah-sekolah yang memerhatikan kebersihan

dan juga kecantikan sungai dijamin. Satu ketika kita mengadakan kursus mencantikkan sungai, dengan lain perkataan, kita cuba memberangsangkan orang ramai supaya menjaga sungai.

Begitu juga dengan pendidikan kepada generasi muda, terutama sekali murid-murid sekolah — dididik mengenai kepentingan dan peranan sungai, kerana merekalah yang diharapkan untuk mewujudkan kecantikan dan kebersihan sungai di masa depan. Selain kita adakan juga pengindahan sungai, seterusnya kita adakan simposium antarabangsa yang melibatkan, Maximized Use of Rivers In The Future, dengan izin, untuk menyediakan satu forum untuk ahli-ahli profesional yang seterusnya kita akan adakan bulan "Cintai Sungai Kita".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Chang Kon You.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga dengan pembedaan di bahagian (c) — perkataan "Kolej baru" sepatutnya ialah "Kolej Era Baru".

KOLEJ ERA BARU — CADANGAN MEWUJUDKAN

3. Tuan Chang Kon You minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) satu masalah lain di bidang pendidikan ialah kekurangan tempat-tempat pengajian di kolej dan universiti. Berapakah bilangan penuntut yang belajar di luar negeri sekarang.
- (b) apakah bilangan kolej swasta yang ada di negara ini;
- (c) adakah kerajaan sedia menimbang supaya Kolej Era Baru di luluskan; dan

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan penuntut tajaan Kementerian Pendidikan yang sedang menuntut di luar negara ialah dalam lingkungan 60,000 orang. Jumlah tersebut adalah meliputi pelajar tajaan dan juga pelajar persendirian.
- (b) Pada masa ini terdapat 227 buah kolej swasta yang telah diberi kelulusan.
- (c) Setakat ini Kementerian Pendidikan telah meluluskan sebanyak 227 buah kolej baru untuk ditubuhkan, manakala 96 buah masih lagi dalam proses pertimbangan. Ini juga termasuk kolej era baru seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat cawangan kampus Universiti Sains Malaysia di negeri Perak.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita sebut kolej swasta, maknanya kolej ini adalah untuk orang-orang yang berada dan kaya sahaja. Jadi, soalan saya, tidak adakah rancangan kerajaan untuk menubuhkan satu tabung/yayasan pelajaran supaya anak-anak orang miskin ataupun sederhana pendapatan berpeluang pergi ke sekolah-sekolah, kolej-kolej atau pun universiti-universiti swasta — kalau ada, tetapi universiti belum ada lagi.

Keduanya, saya ingin tahu berapakah bilangan guru-guru kerajaan yang telah 'resign' ataupun letak jawatan dan memasuki kolej-kolej swasta ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kolej-kolej swasta yang berfungsi di negara kita ini bukan hanya untuk pelajar-pelajar yang kaya sahaja. Ada juga pelajar-pelajar yang miskin juga memasuki kolej swasta, khususnya kolej swasta yang berfungsi, dengan izin, as non-profit organisation. Jadi, kolej-kolej swasta tersebut juga memainkan satu peranan yang penting untuk memperluaskan peluang pendidikan untuk anak-anak kita.

Memang Kementerian Pendidikan bersetuju bahawa satu tabungan untuk memberi sokongan kewangan kepada pelajar-pelajar di kolej swasta ini merupakan satu cadangan yang harus dan perlu diadakan. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan merayu kepada pihak swasta, khususnya kepada syarikat-syarikat besar yang kita harap mereka boleh memainkan tanggungjawab korporat mereka untuk menolong kita menubuhkan tabung tersebut.

Soalan kedua, tentang bilangan guru-guru yang telah 'resign' untuk menceburi pihak swasta, termasuklah kolej-kolej swasta, ini saya perlu notis kerana itu merupakan satu soalan yang spesifik.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, azam negara kita ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai "Pusat Pendidikan Serantau" ataupun "Pusat Pendidikan Seantero Dunia". Jadi, pada masa sekarang kita ada 9 universiti, dan kalau di bandingkan dengan Australia — ada 38 buah universiti, kalau tidak salah. Masyarakat kita sudah sama banyak — 18 juta — kurang lebih. Jadi, soalan saya berapa lamakah jangka masa supaya kerajaan boleh berkemampuan menubuhkan universiti sampai ke peringkat yang mana kita boleh, supaya semua anak murid atau penuntut-penuntut kita tidak

payah pergi ke luar negeri lagi dan menuntut di negara ini sahaja? Dan adakah kemampuan untuk guru-guru untuk menjadi anggota ataupun 'staff' dalam universiti-universiti yang tersebut?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, adalah memang hasrat Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan peranan sektor pendidikan supaya negara kita boleh muncul sebagai sebuah negara yang boleh dengan jayanya mengeksportkan perkhidmatan pendidikan. Dalam konteks ini, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan akan membuat beberapa rancangan untuk memperluaskan tempat-tempat yang sedia ada di universiti-universiti tempatan.

Target kita ialah untuk mempertingkatkan tempat-tempat itu dan juga untuk menubuhkan universiti-universiti baru supaya jumlah pelajar yang berjaya memasuki universiti tempatan akan bertambah lebih kurang tiga kali ganda iaitu daripada bilangan pelajar-pelajar yang sekarang boleh memasuki setiap tahun lebih kurang 13,000 setahun kepada menjelang tahun 2000, 30,000 calon setahun yang boleh memasuki universiti-universiti tempatan.

Kita juga akan menggalakkan peranan sektor swasta supaya mereka juga boleh memperluaskan tempat-tempat yang ada di kolej-kolej swasta dan bersama-sama kita akan berjaya untuk menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar dari negara asing yang akan memasuki negara kita dan mengikuti kursus dalam negara kita.

Tentang soalan berkaitan sama ada kita harus menggalakkan pelajar-pelajar kita ke luar negeri untuk mendapat pendidikan mereka, kita rasa isu ini bukan sahaja dari segi ekonomi. Malaysia harus mengakui bahawa sebahagian besar inovasi-inovasi baru adalah ditubuhkan di negara-negara asing.

Jadi, ada juga guna kepada negara kita kalau kita galakkan sebilangan pelajar-pelajar yang mengikuti pendidikan mereka di luar negara supaya mereka boleh memindahkan teknologi dan expertise mereka apabila mereka pulang.

Tentang soalan-soalan spesifik berkaitan dengan guru ini, saya tidak tangkap ertinya. Bolehkah Ahli Yang Berhormat ulangnya?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak payalah. Nanti, lain kali. (*Ketawa*)

PERKAMPUNGAN HARAM PENDATANG ASING — TINDAKAN KERAJAAN

4. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perkampungan haram pekerja dan pendatang asing yang dikesan seluruh negara, apakah tindakan yang kerajaan telah ambil untuk menyekat kemunculan perkampungan haram ini yang mana pihak berkuasa tempatan nampaknya gagal membendungnya sedangkan tindakan tegas segera diambil ke atas anak-anak tempatan yang membina rumah setinggan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, tindakan terhadap pendatang haram diambil oleh berbagai pihak berkuasa mengikut bidang kuasa masing-masing.

Bagi pihak Berkuasa Tempatan, ia berkuasa merobohkan mana-mana bangunan yang didirikan tanpa kebenaran. Ini termasuk rumah setinggan. Biasanya pihak Berkuasa Tempatan

merobohkan rumah setinggan yang didirikan di atas tanah kerajaan. Apabila tanah itu diperlukan untuk pembangunan ataupun ia menjadi kacau ganggu kepada kawasan sekeliling, Pejabat Daerah ataupun Pejabat Tanah juga merobohkan rumah-rumah setinggan mengikut Peruntukan Undang-undang Tanah. Tidak ada keistimewaan diberikan kepada rumah setinggan pendatang haram.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak dapat dijawab penuh. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya tidak mengelakkan soalan saya. Yang pertama, berapakah jumlah perkampungan pendatang asing baik pun pendatang asing dari Filipina di Sabah atau di Semenanjung Malaysia dan juga pecahan bilangannya Indonesia di Semenanjung Malaysia dan juga pecahan bilangan perkampungan dan penduduk-penduduknya di setiap negeri dan juga berapa lama kewujudan mereka itu.

Yang kedua, kerajaan memang menganggap perkampungan pendatang asing ini satu masalah kerana pendatang-pendatang asing yang menubuhkan perkampungan mereka di negara kita ini adalah serupa merampas tanah negara kita dan kewujudan mereka juga mengancam keselamatan negara dan rakyatnya.

Maka, saya ingin tanya, saya ingin menunjukkan satu contoh di sini di mana ada dua buah perkampungan Indonesia di kawasan saya iaitu satu di Taman Taynton View dan satu di Taman Rajawali di mana mereka itu telah wujud lama dan banyak aduan disampaikan kepada pihak-pihak berkuasa tetapi tindakan tidak diambil. Adakah pendatang asing ini menikmati hak yang lebih tinggi dan baik daripada

warganegara Malaysia? Saya ingin menitikberatkan di sini untuk pengetahuan Yang Berhormat, warganegara Malaysia yang tinggal di setinggan, kalau mereka menukar satu helai zing atau dua sahaja, atau satu papan dinding tanpa kebenaran daripada pihak Berkuasa Tempatan, rumah mereka mungkin kena dirobuhkan. Bolehkah Yang Berhormat berikan satu penjelasan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya kesal sedikit dengan soalan Yang Berhormat daripada Cheras yang pertama tadi. Beliau telah lama berada dalam Parlimen, tanya dengan saya angka-angka pendatang haram yang sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri, bukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berkenaan dengan soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita tidak pernah memberikan keutaman ataupun priority ataupun, dengan izin, advantage kepada pendatang haram tetapi apabila pendatang-pendatang haram daripada Vietnam di Sungai Besi menunjuk perasan, lambang yang paling besar di kem ini ialah lambang Rocket, lambang parti Yang Berhormat dari Cheras. *(Tepuk)*

**PROJEK BAKUN —
KEBIMBANGAN PENDUDUK
MENGENAI KETAHANAN
EMPANGAN**

5. Tuan Tiong Thai King minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan projek Bakun adalah suatu projek yang berteknologi tinggi dan penduduk-penduduk sepanjang Batang Rejang

terutama yang berada di hilir Batang Rejang sangat bimbang tentang ketahanan dan teknologi pembinaan empangan, maka adakah kerajaan menubuhkan sebuah kumpulan pengawasan untuk menjalankan penyeliaan terhadap kerja pembinaan empangan itu.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembinaan projek hidro-elektrik bukanlah perkara yang baru dan pengalaman dalam pembinaan projek-projek hidro-elektrik sudah pun di tahap yang tinggi. Bagi projek Bakun, sebenarnya beberapa kajian terperinci dari segi design dan sebagainya telah pun dibuat bagi tujuan menentukan pembinaan empangan tersebut menepati standard teknikal yang cukup. Kerajaan juga bercadang menubuhkan satu pasukan petugas bagi menjalankan penyeliaan kerja pembinaan Empangan Hidro Bakun ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ialah tentang penyertaan tempatan di dalam pembangunan projek ini. Kita dimaklumkan bahawa projek ini amat besar sekali. Amat malangnyalah bila siap nanti projek ini, penyertaan tempatan amat kurang, peningkatan technology transfer tidak ada. Itu soalan saya yang pertama, apakah usaha kerajaan memastikan kedua-dua ini berlaku atau dilaksanakan semasa pelaksanaan projek?

Soalan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, membawa kuasa yang besar ini daripada Sarawak ke Semenanjung dalam jarak yang panjang, lebih dari 1,000 kilometer, sudah semestinya di bawah

laut, akan membawa risiko yang besar. Seperti kita dengar baru-baru ini di Pulau Pinang, terbakar sahaja kabel, separuh dari Pulau Pinang tidak ada kuasa. Bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang lebih tahu hal ini.

Persoalan saya, apakah usaha kerajaan memastikan risiko yang besar ini tidak berlaku kepada negara kita? Kalau pada ketika itu separuh dari kuasa, sebagai contoh, Semenanjung Malaysia datang daripada Sarawak, berlaku kerosakan kabel kita, apa akan terjadi kepada negara kita? Saya tidak mahu apa yang berlaku di Pulau Pinang berlaku di negara kita. Apakah usaha kerajaan memastikan perkara ini tidak berlaku semasa kita melaksanakan projek yang besar? Kita mahu projek ini, tetapi cara pelaksanaannya, kita tidak mahu risiko yang besar itu akan berlaku.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, pihak pemaju Bakun telah pun diarahkan supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya dapat menambah penyertaan dari pengusaha-pengusaha tempatan dan pihak kerajaan akan monitor, dengan izin, supaya arahan ini dapat diambil berat oleh pihak pemaju.

Bagi soalan yang kedua, saya setuju bahawa kabel submarine yang sepanjang 640 kilometer di bawah Lautan China Selatan ini merupakan satu kabel submarine yang panjang sekali dalam dunia dan pihak pemaju telah pun diberitahu supaya menggunakan teknologi yang terkini supaya ia tidak dapat dirosakkan dengan senang sahaja termasuk tidak senang digigit oleh ikan shark. (*Ketawa*)

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Kawasan saya adalah Hulu Rajang. Rumah panjang saya adalah beberapa kilometer di hulu tempat projek Bakun yang akan dibina. Soalan yang pertama, tentang EIA yang baru sahaja dikeluarkan — EIA pertama. Saya telah diberitahu, EIA ini contentnya ialah tentang biomass sahaja — flora dan fauna dan tidak ada tentang manusia yang akan terlibat. Soalan saya ialah, adakah EIA yang kedua dan ketiga melibatkan kajian tentang mereka yang akan ditempatkan semula?

Yang kedua, saya diberitahu, pihak EKTRAN telah membina rumah contoh di kawasan di mana mereka yang berpindah akan dipindahkan. Soalan saya, biasanya rumah contoh ialah untuk dibeli dan kekhuatiran pihak tempatan ialah dalam proposal BDC tentang penempatan dan juga compensation ialah rumah akan diberi percuma sebab mereka dipaksa pindah. Bercakap tentang proposal dan cadangan BDC — Bakun Development Committee yang telah ditubuhkan oleh pihak yang terlibat ataupun yang dipindahkan, saya ingin bertanya di sini, bilakah kerajaan memberi kata formal reaction tentang cadangan kita dalam proposal ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, laporan EIA bertajuk "Privatisation of the Bakun Hydro Electric Project: Detail Environmental Input Assessment For Reservoir Preparation" telah pun dikeluarkan pada 24hb Jun tahun ini.

Seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kajian di peringkat pertama ini adalah mengenai flora sahaja

dan mengenai penduduk-penduduk yang akan terjejas dalam rancangan ini, pihak kerajaan telah pun dapat mengenal pasti sebanyak 15 rumah panjang yang terjejas oleh pelaksanaan hidro-elektrik Bakun dan seramai 9,544 orang penduduk akan terjejas oleh projek Bakun ini. Walau bagaimanapun, berbagai-bagai projek telah pun dikenal pasti supaya orang yang berkenaan ataupun yang dipengaruhi ataupun terjejas oleh kerana pelaksanaan projek ini akan diberi perhatian supaya penempatan semula dapat dijalankan dengan secara terancang. Antaranya, pihak kerajaan telah pun dalam proses mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai bagi menempatkan penduduk dan menubuhkan pusat perkhidmatan, kebun-kebun kecil dan pembangunan estet.

Berkenaan dengan rumah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sama ada ia akan dijual ataupun diberi secara percuma kepada orang yang berkenaan, minta maaf, saya tidak dapat memberikan jawapan sekarang. Perkara ini saya akan dapatkan maklumat yang lebih terperinci dari pihak pemaju dan saya akan memberikan jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

CUKAI JALAN BAGI KERETA SEWA — MENURUNKAN KADAR BAYARAN

6. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kementerian bercadang untuk menurunkan bayaran cukai jalan bagi kereta-kereta sewa yang ada sekarang memandangkan pendapatan mereka yang tidak begitu lumayan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar bayaran cukai jalan bagi kereta-kereta sewa memandangkan bahawa kadar cukai jalan yang dikenakan sekarang tidak membebaskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya rakan se-negeri saya (*Ketawa*) Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, tahniah kepada beliau, tentang cukai-cukai jalan yang dikenakan. Adakah pihak kerajaan mencadangkan untuk menghapuskan cukai jalan memandangkan bahawa banyak jalan persekutuan kini diswastakan dan banyak plaza-plaza tol pun sudah dibina untuk mengutip tol dan tidak ada makna lagi rakyat membayar cukai jalan. Memandangkan keadaan sedemikian, adakah cukai jalan ini akan dihapuskan dan bila — kalau ia dilaksanakan.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jumlah yang dikutip setiap tahun oleh kerajaan daripada cukai jalan ini dan bagaimana cukai jalan ini digunakan memandangkan ada bayaran untuk plaza — maknanya penswastakan atau privatisation kini dilakukan?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah rakan saya dari Kota Melaka. (*Ketawa*) (*Disampuk*) “musuan”, “musuan” ya? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak ada cadangan untuk memansuhkan cukai jalan. Namun demikian, kalau Yang Berhormat hendak subsidise, saya fikir boleh ditimbangan juga. (*Ketawa*)

Berkaitan dengan pungutan cukai jalan tahunan, saya suka memberikan angka tahun 1993, sebanyak RM1,108,240,758.47 sen; bagi tahun 1994, sebanyak RM1,255,310,124.33 sen; bagi tahun 1995, setakat 31hb. Mei, kita telah mengutip sebanyak RM542,894,248.37 sen.

Walaupun penswastakan tol dilakukan, pengguna-pengguna jalan raya perlu juga membayar tol kerana tol-tol ini dibina dengan menggunakan wang. Walaupun ada Ahli Parlimen dahulu tak hendak bayar tol, tetapi nampaknya sekarang mereka juga telah membayar.

**FERI DI KUALA KURAU —
MASALAH PERKHIDMATAN**

7. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan feri untuk kemudahan awam di Kuala Kurau selalu terhenti, bilangan feri tidak mencukupi dan didapati selalu rosak pula, bilakah keadaan ini boleh diperbaiki untuk keprihatinan tentang keselesaan penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan feri Kuala Kurau adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, Kementerian telah dimaklumkan kerajaan negeri telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah perkhidmatan feri seperti yang dibangkitkan. Antara tindakan yang diambil adalah:

- (i) Melaksanakan program pembaikan feri yang sedia ada;
- (ii) Menyediakan feri tunggu sedia (stand-by) yang berupaya mengambil alih perkhidmatan sekiranya feri yang beroperasi mengalami kerosakan. Perkhidmatan feri tunggu sedia ini dijangka akan disediakan pada akhir tahun ini; dan
- (iii) Sebuah bot tunda (prime mover) akan dibeli pada tahun hadapan. Bot tunda ini akan digunakan untuk menunda feri yang mengalami kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya usaha-usaha kerajaan negeri seperti di atas adalah diharapkan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan perkhidmatan feri di Kuala Kurau akan dapat diatasi dan memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna perkhidmatan feri tersebut.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkhidmatan feri ini adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri, memandangkan kepada pentingnya perkhidmatan ini untuk penduduk tempatan, adakah Kementerian Kerja Raya bercadang untuk mengambil alih perkhidmatan ini dan menghapuskan perkhidmatan feri ini dan sebaliknya membina sebuah jambatan yang sudah lama diminta oleh penduduk-penduduk di situ untuk menghubungkan penduduk Kuala Kurau dengan pulau yang berhampiran?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini akan ditelitikan oleh kementerian kita.

KOMPLEKS IMIGRESEN TEBEDU

8. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rakyat Indonesia yang telah melawat Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu sejak ianya dibuka pada 25hb Februari 1991 hingga sekarang; dan
- (b) jumlah rakyat Malaysia yang telah melancong ke negara Indonesia melalui kompleks tersebut bagi tempoh yang sama.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) seramai 517,497 orang rakyat Indonesia telah melawat negara ini melalui Pintu Masuk Imigresen Tebedu, Sarawak sejak mula dibuka pada 25hb. Februari 1991 hingga 31hb. Mei 1995; dan
- (b) seramai 137,259 orang rakyat Malaysia telah melawat Indonesia melalui Pintu Masuk Tebedu dalam tempoh tersebut.

**SRJK(C)/SRJK(T) — PROGRAM
MEMPERBAIKI SEKOLAH**

9. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar bahawa kebanyakan sekolah SRJK (T), khususnya sekolah-sekolah SRJK (T) di ladang-ladang, estet-estet keadaannya sangat tidak memuaskan, bangunannya buruk dan membahayakan murid-murid dan juga kekurangan kemudahan-kemudahan; dan
- (b) apakah program jangka pendek dan jangka panjang untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah jenis tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menyedari masalah kemudahan fizikal yang dihadapi oleh sesetengah SRJK(T). Masalah ini bukan sahaja berlaku di SRJK(T), malah di kebanyakan sekolah-sekolah kecil luar bandar. Dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang, sekolah-sekolah ini boleh membuat permohonan bantuan modal untuk membaik pulih dan memperbaiki kemudahan yang sedia ada. Dalam konteks ini Kementerian Pendidikan memang akan memberikan perhatian atas permohonan-permohonan yang akan dikemukakan.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Timbalan Menteri Pendidikan bahawa memandangkan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berbantuan modal di kawasan luar bandar dan ladang-ladang, apakah cadangan kerajaan untuk mengambil alih sekolah-sekolah tersebut? Jika tidak, apakah masalah-masalah yang terbabit?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang memang merupakan satu masalah yang perlu diberi perhatian, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhor-

mat, sekolah-sekolah bantuan modal khususnya sekolah-sekolah bantuan modal di estet-estet, satu masalah rumit ialah tanah-tanah itu ialah kepunyaan pihak pemilik estet-estet tersebut. Jadi, kalau kerajaan ingin mengambil alih ini bererti kita juga mengambil alih tanah itu dan itu merupakan satu masalah yang susah kita atasi.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak salah saya anggap jawapan ini ialah sekolah-sekolah ini boleh minta dan kementeriannya akan mempertimbangkannya case by case. Saya hendak tahu adakah tidak kementerian satu cadangan atau satu program untuk membaiki ataupun membina semula kebanyakan ataupun semua sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah di kampung-kampung, kampung pedalaman dan juga kampung-kampung baru kerana kebanyakan sekolah-sekolah ini dalam keadaan yang sangat uzur dan rosak. Kalau ada apakah rancangan ini, bila akan dimulakan dan bila akan disiapkan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan tentang cadangan beliau. Memang itulah dasar Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan dengan sendirinya selalu menghantar pegawai-pegawai untuk melawat sekolah-sekolah dan kalau difikirkan perlu kita sendiri tanpa permohonan dari sekolah memberi bantuan untuk memperbaiki keadaan sekolah.

Sebagai satu contoh, baru-baru ini kita sudah hantar peruntukan kepada semua sekolah termasuk sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh untuk mengadakan kemudahan untuk pengajaran sains. Kita juga memperuntukkan kepada setiap sekolah termasuk sekolah bantuan modal peruntukan untuk membolehkan sekolah-sekolah tersebut untuk membeli alat seperti komputer dan Xerox machine dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak pilih kasih. Kita juga menjaga semua sekolah demi untuk kepentingan anak-anak kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan. Soalan (a) apakah tuntutan dan pendirian". Bukan "pendidikan".

SPRATLYS ISLAND — TINDAKAN ASEAN

10. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah tuntutan dan pendirian negara terhadap Spratlys Islands; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Asean untuk mengurangkan ketegangan yang kian meningkat di antara negara-negara yang membuat tuntutan terhadap pulau-pulau tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kita telah pun jawab pada 19hb. Jun 1995 dan saya tidak bercadang untuk menambah.

Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. (*Diganggu*) Tidak bolehkah? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila. Sila! Kita pernah adakan.

Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas: Kepulauan Spratlys juga dituntut oleh negara-negara lain termasuk negeri China. Baru-baru ini mengikut laporan jurnal dan magazine antarabangsa, China dikatakan mempunyai minat dan cita-cita yang besar terhadap Kepulauan Spratlys. Misalannya, China telah membina sebuah bangsal di Mischief Reef yang kemudiannya bertukar menjadi satu kubu ataupun

dengan izin, fortification dengan meriam artileri dan juga dengan antena dan apabila Filipina datang membawa helikopter dan juga wartawan, mereka berhadapan dengan dua kapal friget China dan menyebabkan Filipina terpaksa berundur diri.

Jadi, soalan saya sekiranya ada negara-negara lain bertindak mencerooboh sempadan yang dituntut oleh Malaysia seperti yang berlaku itu, apakah tindakan kita? Adakah cukup dengan usaha diplomasi melalui Wisma Putra sahaja ataupun adakah kita mempunyai kelengkapan dan keupayaan untuk mengesan dan seterusnya menyekat pencerobohan kuasa-kuasa besar seperti yang berlaku di Mischief Reef ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah atas laporan-laporan yang beliau nyatakan dalam majalah yang lalu. Tetapi yang pentingnya di sini, izinkan saya nyatakan bahawa negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk terus berusaha secara perundingan dan secara damai dan mengikut persetujuan Manila pada Julai 1992, kita telah mengadakan satu Deklarasi ASEAN mengenai Laut China Selatan ini dan kita akan terus berusaha mencari cara-cara damai untuk mendapatkan persetujuan atas tuntutan-tuntutan yang telah dibuatkan ini. Begitu juga yang pentingnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepulauan yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dituntut oleh Malaysia itu adalah di luar kawasan Spratly Island.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah terdapat kuasa ketiga atau kuasa besar antarabangsa yang sengaja mewujudkan suasana ketegangan dengan tujuan untuk destabilized, dengan izin, keamanan di kawasan ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada kuasa-kuasa ketiga yang terlibat. Cuma ini adalah perkara atas tuntutan yang pernah disebutkan dulu.

HARGA BARANGAN — LANGKAH KAWALAN

11. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan program mengatasi kenaikan harga barangan sekarang. Berapakah jenis barangan yang akan dimasukkan dalam kawalan harga.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha meneruskan usaha untuk menstabilkan harga barang-barang perlu, terutamanya barangan makanan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian ialah:

- (i) mengawal atau mengawasi harga dan bekalan barang-barang keperluan harian dan semasa musim perayaan bagi menentukan bekalan mencukupi dan harga berpatutan, di samping mengambil tindakan segera yang wajar sekiranya timbul masalah bekalan atau harga;
- (ii) menyebarkan maklumat mengenai harga 90 barangan melalui media elektronik dan cetak untuk menggalakkan pengguna membeli belah dengan bijak dan cermat;
- (iii) pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian membuat pemeriksaan di kilang-kilang dan di premis-premis perniagaan untuk memastikan peniaga mematuhi undang-undang yang sedia ada seperti tanda harga, timbang dan sukat dan lain-lain;

- (iv) menjalankan program-program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran kepenggunaan mengenai hak dan tanggungjawab pengguna;
- (v) mengumpul maklumat-maklumat terperinci bagi barangan dan perkhidmatan perlu bagi mengenalpasti fakta-fakta luaran dan dalaman yang menyebabkan berlakunya masalah-masalah bekalan dan harga supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil;
- (vi) mengkaji sistem dan kos pemasaran dan pengedaran barangan dalam negeri termasuk kos-kos pengangkutan dan perkapalan dengan tujuan bagi mempertingkatkan lagi kecekapan sistem pengedaran barangan;
- (vii) mengkaji kos perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti kos sewaan, audit dan perundangan;
- (viii) melaksanakan kempen anti-inflasi melalui media cetak dan elektronik dengan seluasnya; dan
- (ix) menggubal undang-undang yang memberi perlindungan kepada pengguna secara lebih komprehensif dan juga undang-undang yang menggalakkan persaingan perdagangan secara adil dan beretika.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat 10 barangan yang dikawal harganya dan kerajaan sedang menimbangkan senarai barangan tambahan jenis-jenis barangan yang akan dimasukkan ke dalam senarai barang-barang yang dikawal harganya itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu barang kawalan harga yang menjadi pemerhatian kerajaan sekarang ialah simen. Baru-baru ini saya telah

mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, apakah Yang Berhormat atau Kementerian Yang Berhormat sedar bahawa bekalan simen di negeri Kelantan dan Terengganu semakin runcing sekarang? Apabila kita merujuk ke jabatan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dia kata, kena rujuk kepada kastam kerana masalah yang berlaku sekarang penyeludupan ke selatan Thailand kerana mereka dapat menjual dengan harga yang lebih tinggi di selatan Thailand. Bila kita tanya kastam, dia kata ini penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri, jadi saling salah menyalah, sedangkan masalah ini terus melanda. Apakah tindakan segera yang boleh diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini di negeri Kelantan dan Terengganu?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian kita sedar tentang beberapa masalah yang wujud mengenai bekalan simen dan kementerian telah dan sedang dalam usaha mengambil beberapa tindakan. Antaranya ialah untuk membenarkan pengimportan simen kepada pihak-pihak yang ingin import simen untuk mengatasi masalah kekurangan.

Keduanya, untuk meminta pengeluaran-pengeluaran simen dalam negara untuk menambah kapasiti dan lain-lain aktiviti tindakan seperti itu. Kekurangan simen ini bukan sahaja berlaku di Kelantan atau Terengganu tetapi beberapa tempat lain pun kita telah mendapat rayuan oleh pengguna-pengguna simen, kontraktor-kontraktor dan sebagainya. Maka Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang dalam proses mengambil tindakan-tindakan. Antaranya ialah untuk juga menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat yang mengeluarkan simen untuk menentukan bahawa simen dari kilang sampai ke tempat-tempat yang patut sampai dan tidak berlaku penyeludupan.

Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta kastam tidak menyalahkan antara satu sama lain, kita bekerjasama dan kalau kita ada maklumat tentang penyeludupan yang berlaku, kita akan merujuk kepada kastam supaya tindakan dapat diambil bersama-sama dengan pihak penguatkuasa. Pegawai-pegawai penguatkuasa sentiasa menjalankan pemeriksaan dan juga akan mengambil tindakan termasuk rampasan barang-barang dan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam penyeludupan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai penguatkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memeriksa premis-premis perniagaan dan perdagangan yang ada sekarang ini mencukupi? Kalau tidak mencukupi, adakah cadangan untuk menambah bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang jumlah pegawai-pegawai penguatkuasa yang sedia ada sebenarnya tidak mencukupi dan juga pejabat-pejabat belum lagi mencukupi. Maka kementerian telah pun membuat cadangan kepada pihak kerajaan supaya pejabat daerah dan juga pegawai-pegawai ditambah dan kita sedang menunggu keputusan.

LALUAN LRT DARI GOMBAK KE SUBANG — PENENTUAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab mengapa laluan Light Rail Transit (LRT) fasa kedua dari Gombak ke Subang telah terpusing ke kiri dari Lebuhraya Persekutuan di hadapan Angkasapuri sebelum Gerbang Lebuhraya Persekutuan dan disambung melalui tanah simpanan TNB, menyebabkan kawasan hijau (green lung) Petaling Jaya terganggu dan dilokasi, pada hal laluan LRT yang asalnya adalah ditetapkan

di sepanjang Lebuhraya Persekutuan; dan sila nyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kontraktor LRT pernah menawarkan untuk memindah dan membina sebuah Gerbang Lebuhraya Persekutuan yang lebih besar dengan perbelanjaan ditanggung oleh mereka sendiri, tetapi tawaran ini telah ditolak oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd.

Rustam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah laluan LRT melalui tanah rizab TNB talian penghantaran telah dipilih berbanding dengan laluan menggunakan Lebuhraya Persekutuan atas sebab-sebab berikut:

- (i) laluan ini mengurangkan masalah penempatan semula kemudahan awam yang terdapat di sepanjang lebuhraya tersebut, seperti kabel elektrik, telekom, air, pembetulan dan gas yang akan melibatkan kos yang tinggi;
- (ii) laluan ini melalui kawasan perumahan di mana sistem LRT dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang ramai dengan mengurangkan jarak perjalanan ke stesen LRT;
- (iii) sistem pengangkutan LRT akan bersaing dengan sistem pengangkutan jalan raya jika LRT dibina melalui sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
- (iv) laluan ini tidak mengganggu talian penghantaran transmission TNB yang sedia ada di mana laluan LRT akan menggunakan hanya 20 meter dari 60 ke-80 meter kelebaran tanah rizab TNB;
- (v) laluan ini akan memudahkan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan LRT dari segi aspek-aspek yang berikut:
 - (a) tidak mengganggu keselamatan orang ramai;

- (b) menghindarkan daripada gangguan dan kesesakan trafik di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
- (c) mengelakkan daripada penebangan pokok-pokok, tiada pokok di atas rizab TNB;
- (d) menawarkan kawasan lapang untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Di kawasan rizab TNB ini, laluan LRT adalah direkabentuk sebagai landasan teratas dan di paras tanah yang mengambil sedikit sahaja kawasan tanah untuk tiang landasannya. Ruang di bawah landasan LRT ini akan dapat mengekalkan tanaman-tanaman di kawasan hijau dan tidak menjejaskan kawasan hijau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LRT tidak pernah menawarkan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memindah dan membina sebuah Gerbang Lebuhraya Persekutuan yang lebih besar dengan perbelanjaannya sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi sebab-sebab kenapa ada buat pindaan laluan LRT kepada tanah simpanan TNB. Bolehkah beliau memberi kos-kos bandingan antara laluan asal dan laluan yang dipinda? Kalau laluan yang dipinda lebih baik, kenapa ini tidak dipilih sebagai pelan asal?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi juga telah menyatakan bahawa laluan ini tidak melalui kawasan perumahan yang banyak. Dengan ini, sudah tentu laluan yang dipilih adalah lebih rendah daripada laluan yang terdahulu dicadangkan.

Manakala kos perbandingan, saya perlu notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan ke-13, tetapi soalan ini telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada 27hb. yang lalu. Namun demikian, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, biar Menteri yang beritahu Dewan.

Tuan Yeong Chee Wah: Bukan, saya ada tambahan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Biar bagi Menteri yang beritahu Dewan dahulu, barulah Yang Berhormat boleh bangun.

Tuan Yeong Chee Wah: Oh!

TELEFON STATIK/BERGERAK — PANGGILAN CURI

13. **Tuan Yeong Chee Wah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras panggilan curi bagi telefon statik dan telefon bergerak, dan terangkan bagaimana panggilan curi boleh dilakukan tanpa pengetahuan pemilik, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pemilik supaya panggilan curi tidak mudah dilakukan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah dijawab (*Ketawa*) semasa saya menjawab pertanyaan mulut Yang Berhormat dari kawasan Santubong dalam Dewan yang mulia ini pada 27.6.1995. Saya tidak ada apa-apa kenyataan untuk ditambah.

Tuan Yeong Chee Wah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk soal-jawab sudah cukup. (*Ketawa*)

Tuan Yeong Chee Wah: Terima kasih, minta maaf. (*Ketawa*)

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 52 akan dijilid dalam buku berasingan.*)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Keputusan Bekalan Tenaga Elektrik di Pulau Pinang

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk kemukakan usul sedemikian:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Kawasan Tanjong untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, yakni masalah pemutusan bekalan tenaga elektrik di Pulau Pinang berasaskan alasan berikut:

- (1) Pemutusan bekalan tenaga elektrik di Pulau Pinang yang disebabkan oleh kerosakan tiga kabel litar tenaga elektrik di bawah Jambatan Pulau Pinang yang membekalkan 210 megawatt tenaga elektrik ke Pulau Pinang telah menyebabkan kerugian beratus juta ringgit ke atas ekonomi dan rakyat Pulau Pinang.

- (2) Tenaga Nasional seharusnya telah menjangka akan berlakunya kejadian pemutusan bekalan elektrik di Pulau Pinang baru-baru ini dan mengaturkan rancangan kontigensi yang berkesan, bukan hanya berdasarkan pengalaman pemutusan bekalan elektrik di seluruh negara pada bulan September, 1992 malah atas fakta bahawa Pulau Pinang sering mengalami pemutusan bekalan tenaga elektrik.
- (3) Kegagalan menyediakan rancangan kontigensi yang berkesan ini lebih tidak dapat dimaafkan memandangkan Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum ini pernah mengeluarkan amaran kepada para pengundi di negeri berkenaan semasa pilihan raya umum baru-baru ini supaya tidak merasa tersinggung sekiranya berlaku kejadian pemutusan bekalan tenaga elektrik sebelum hari mengundi. Ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa telah pun menyedari tentang kemungkinan berlakunya kejadian pemutusan bekalan tenaga elektrik besar-besaran di Pulau Pinang.
- (4) Kenyataan-kenyataan yang bertentangan sesama sendiri yang telah dibuat berkenaan dengan masalah pemutusan bekalan tenaga elektrik sehingga kini telah melemahkan keyakinan orang ramai terhadap kebolehan profesional Tenaga Nasional dalam membekalkan dan mengekalkan kualiti perkhidmatan bekalan tenaga elektrik kepada pihak industri, perdagangan dan pengguna. Misalnya, contoh berikut, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah berkata bahawa penyiasatan awal menunjukkan bahawa kabel berkenaan telah membawa bekalan elektrik pada tahap maksimum yang menyebabkan ketegangan ke atas sambungan kabel yang menyebabkan kebakaran. Bagaimanapun, Pengurus Kanan Tenaga Nasional, Zainal Abidin Hassan yang mengetuai operasi membaiki telah berkata bahawa perletupan yang berkenaan tidak mungkin disebabkan oleh kelebihan beban bekalan tenaga elektrik atau 'overloading' dan mendakwa bahawa hanya 70% dari kabel berkenaan yang digunakan dengan quote, "sebab kami tidak mahu membebankan kabel berkenaan". Ini juga membangkitkan persoalan sebab mengapa sambungan-sambungan kabel berkenaan yang mempunyai jangka hayat 20 hingga 25 tahun kini rosak dalam masa kurang dari 10 tahun.
- (5) Pendedahan bahawa Tenaga Nasional hanya mempunyai dua orang juruteknik tempatan yang berpengetahuan tentang kerja pembaikan kabel dan memerlukan pakar-pakar luar negara dibawa dari Jerman dan Belgium untuk mempercepatkan kerja pembaikan ke atas 3 litar yang mengalami kerosakan itu membangkitkan kesangsian sama ada Tenaga Nasional lebih mementingkan keuntungan sendiri dari mengekalkan kebolehan profesional yang bertaraf tinggi di dalam perkhidmatannya. Nasihat yang dikeluarkan oleh pakar dari Jerman, Hans Oric Wrangler bahawa pembahagi harus dipasang di antara litar-litar untuk mencegah api dari menyebar ke litar yang lain. Semasa berlakunya kebakaran, kelihatan begitu asas dan mudah. Tenaga Nasional perlu membuat penjelasan sebab mengapa ia tidak menyediakan langkah berjaga-jaga yang asas ini dari awal-awal lagi.

- (6) Kegagalan Tenaga Nasional dalam menepati jadual catuan tenaganya yang menyebabkan lebih banyak lagi ketidakseimbangan dan kerugian yang sepatutnya dapat dielakkan ke atas pihak industri, perdagangan dan pengguna Pulau Pinang.
- (7) Memandangkan pihak berkuasa telah menafikan segala kemungkinan berlakunya tindakan sabotaj, maka Tenaga Nasional perlu menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas kejadian pemutusan bekalan tenaga elektrik di Pulau Pinang ini, yang sama ada disebabkan oleh kelalaian ataupun program pengendalian yang lemah dan mesti menerima tanggungjawab ke atas kerugian yang dialami oleh pihak industri perdagangan dan pengguna hasil kejadian pemutusan bekalan tenaga elektrik kali ini. Dan Parlimen mestilah meninjau semua perundangan yang berkenaan untuk memastikan bahawa Tenaga Nasional mempampasi pihak industri perdagangan dan pengguna ke atas segala kerugian yang wujud hasil dari pemutusan bekalan tenaga elektrik, melainkan Tenaga Nasional dapat membuktikan bahawa ia tidak harus memikul tanggungjawab sedemikian.

Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Tanjong pada 29hb. Jun, 1995 jam 10.20 pagi. Teks usul itu adalah seperti dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar

tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu memenuhi tiga syarat:

- (i) ialah bahawa perkara itu tertentu.
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini, perkara tertentu dan juga bagi kepentingan orang ramai. Pada fikiran saya perkara ini berkehendak disegerakan. Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), saya dengan izin Dewan ini membenarkan usul yang berkenaan dibahaskan dan saya menumpukan usul itu untuk dibahaskan pada jam 5.30 petang hingga 6.30 petang pada hari ini juga. *(Tepuk)*

Pihak pencadang diberi masa selama 30 minit dan pihak kerajaan selama 30 minit untuk berucap. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *(28hb Jun, 1995)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perbincangan ini disambung ya. Yang Berhormat dari Kepong.

3.44 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada menyentuh Fasal 10 dan di dalam pindaan ini adalah menyebutkan mengenai keputusan mahkamah untuk membolehkan Ketua Pengarah memberi keterangan. Walau bagaimanapun di dalam Huraian itu ada berbeza, di dalam pindaan itu betul, tetapi dalam Huraian itu tidak betul, tidak cocok.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidakkah kita melihat kepada Rang Undang-undang, Huraian itu hendaklah dibaca dengan pindaan ini. Jadi, kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa Huraian tidak betul, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat membincang Huraian atau bincang Rang Undang-undang ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita bincang sama sekali — sekaligus. Soal yang ditimbulkan tidak wujud langsung — sama sekali, kerana ini boleh mengelirukan, lain kali penggubal undang-undang mestilah membuat Huraian dengan lebih tepat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat orang lama, apakah selama ini Yang Berhormat membincang Rang Undang-undang hanya baca Huraian sahaja?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kedua-dua dibaca, tetapi di dalam Huraian itu saya kata tidak betul — saya kata tidak betul. Apakah maksud Huraian? Hendak menjelaskan keadaan. Ini bukan tidak menjelaskan keadaan, mengelirukan, menimbulkan ambivalence (*Ketawa*) bukan menghurai.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong ya,.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Boleh sedikit penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat-Yang Berhormat, untuk perhatian semua ahli ya, hari ini kita ada bil yang perlu diselesaikan dan ada perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Saya nampak semalam Yang Berhormat sudah berucap lebih kurang 40 minit.....

Dr. Tan Seng Giaw: 40?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lebih kurangnya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Dia bukan berucap, dia merepek.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 35 minit, kalau boleh Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: mengarut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): minta berucap 15 minit ya!

Dr. Tan Seng Giaw: 12?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 15.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Boleh-boleh, itu boleh selesai.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Boleh penjelasan sedikit?

Dr. Tan Seng Giaw: Pendeklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Pendek sedikit, tidak banyak. Penjelasan, saya selalu melihat tentang cara Yang Berhormat dari Kepong memutar belit. Yang sebenarnya apa salahnya menerima bahawa Yang Berhormat salah, tidak membaca Fasal itu, mungkin Yang Berhormat kurang arif dalam bahasa Inggeris, lebih memahami Bahasa Malaysia. Ini sudah terbalik. Bolehkah Yang Berhormat teruskanlah kepada agenda lain?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kerja dia, ini kerja Tuan Yang di-Pertua. Jadi, lain kali kita tunggu dahulu sampai satu ketika Yang Berhormat menjadi Yang di-Pertua, kalau tidak, jangan kita mengambil alih kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, itu pokok 'jelapang' kita tahu, gatal dan miang sentiasa.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Rang Undang-undang ini kita nampak ada usaha untuk mengemaskinikan dan untuk membolehkan pegawai-pegawai dan Ketua Pengarah boleh melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan lebih cepat. Itu satu langkah yang kita perlu ambil untuk menyelesaikan masalah, memandangkan negara ini adalah merupakan pengeksporth yang ke-19 di dunia. Kita berharap dalam beberapa tahun lagi kita pun jadi pengeksporth yang ke-10 di dunia — itu memang baik. Walau bagaimanapun, untuk mencapai tahap ini, pelbagai aspek mesti diperbaiki termasuk kecekapan dan keefisienan Kastam dan Eksais — ini yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak membangkitkan beberapa perkara mengenai kecekapan ataupun kesan yang diambil oleh pihak Jabatan Kastam untuk mengelakkan daripada berlakunya kilang-kilang yang tidak membayar cukai jualan. Banyak kilang di negara ini yang mengutip cukai jualan daripada pembeli-pembeli, tetapi tidak membayar cukai kepada pihak kastam — ini tidak betul.

Di Selangor setahu saya, setakat ini yang diketahui lebih RM12 juta dan di seluruh negara mungkin mencapai tahap RM50 juta ataupun lebih. Di Lembah Klang lebih sedikit kerana ada banyak industri dan kilang dan saya hendak menanya Yang Berhormat, apakah tindakan yang diambil untuk mencegah masalah, mencegah daripada ketidak-bayaran pihak pengilang-pengilang di negara ini dan apakah faktor yang menyebabkan mereka tidak membayar? Apakah helah yang digunakan oleh pihaknya untuk mengelak daripada membayar? Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan mereka tidak melanggar undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sepuluh minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sepuluh minit lagi! Boleh. Saya ada banyak lagi point kerana kita hendak menjadikan negara ini pengeksporth yang lebih baik, daripada 19 kepada yang ke-10 di dunia. Pada tahun 2,000 mungkin di tempat yang ke-17 atau yang ke-16. Itulah target sasaran kita. Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju? Memang bersetuju, ya?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kecekapan untuk mengendalikan barang-barang yang diimport dan juga yang dieksporth di tempat-tempat masuk ke

negara ini, nampaknya ada usaha daripada pihak jabatan untuk mempercepatkan pengurusannya. Tempoh pemeriksaan yang dikurangkan — ada kemajuan sedikit — tetapi bagi saya tidak mencukupi.

Setahu saya sekarang untuk barang-barang yang masuk ke tempat-tempat masuk ke negara ini daripada udara sekarang dikurangkan, kalau tidak silap saya kepada 3 hingga 7 jam untuk memproses barang-barang yang diimport oleh pihak Kastam daripada udara. Daripada lautnya mungkin 13 atau 14 jam untuk memproses barang-barang ini. Bagi saya kalau ini boleh dipendekkan lagi, kerana kita hendak bersaing, misalnya dengan Singapura, ia lebih cepat. Saya percaya ia lebih cepat daripada ini. Sekarang kita telah mengemaskinikan akta ini supaya kita boleh meningkatkan tahap kecekapan. Dari segi ini bila barang-barang masuk ke negara ini atau akan dieksportkan di tempat-tempat masuk ke negara ini kita mesti kira bukan sahaja daripada udara, laut dan juga daripada darat bagaimana kita dapat mempercepatkan.

Saya berharap lain kali, selepas saya berucap di sini mungkin untuk eksport dua jam boleh diselesaikan, boleh dihabiskan semua, ataupun satu jam kalau boleh. Sebagai bekas Timbalan Menteri di dalam Kementerian Kewangan telah pernah menyebutkan langkah yang diambil, dengan izin, 'immediate release system inland port and depot and Mobile Examination Team' — Pasukan Pemeriksaan Bergerak. Baik juga kalau ini boleh dilaksanakan dengan betul, kita akan cepatkan lagi. Tetapi bagi saya, walaupun ada usaha tetapi tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai kastam ini dilatih dengan lebih baik. Walaupun ada latihan sekarang tetapi kita mesti menekankan kecekapan-

nya untuk mengendalikan semua ini. Sebab, walaupun kebanyakan pegawai itu adalah baik, komited, iltizam tetapi ada setengah-setengahnya lemah juga. Oleh kerana ada yang lemah inilah yang merosakkan imej negara kita dan kita berharap kelemahan-kelemahan pegawai ini dapat diperbetulkan.

Mengenai pengimportan 'rokok kretek — Gudang Garam', ya, betul 'garam' kerana mengelakkan cukai. Garam untuk mengurangkan cukai itu satu jenis rokok yang mempunyai sindiket, kalau tidak silap saya, untuk menyeludup. Saya hendak bertanya pihak kementerian, apakah anggaran kerugian negara ini kerana aktiviti pengimportan seperti rokok kretek jenis ini. Banyak lagi aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang yang lain termasuk beras dan sebagainya. Apa sebabnya kita sering mendengar mengenai penyeludupan rokok kretek dan ada yang ditangkap dan bagi sesuatu tangkapan berapakah bilangannya yang tidak dapat dikesan. Mungkin bagi setiap penangkapan ada lima lagi yang dapat mengelak. Inilah yang menjadi masalah kerana berjuta-juta ringgit kerugian yang ditampung oleh pihak jabatan.

Apakah sebabnya mereka begitu berjaya untuk menyeludup rokok ini? Adakah kerana sindiket yang saya sebutkan tadi dapat melindungi penyeludup-penyeludup di negara ini? Kerana setiap pengimport ada kuota. Adakah mereka menggunakan kuota ini untuk melindungi atau untuk membayar jamin kepada penyeludup-penyeludup yang ditangkap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak gulunglah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tiada gangguan daripada kawan-kawan, kita bolehlah meneruskan perbincangan dengan licin, dengan lebih membina dan bernas. Saya ada menekankan mengenai kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah dan juga Ketua Menteri. Saya berharap kuasa ini boleh digunakan dengan wibawa, dengan baik, dengan adil untuk menjalankan tugas dan di dalam usaha untuk mengemaskinikan. Kita hendak menyaksikan kecekapan dan keberkesanan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kastam dan Eksais mengenai kilang-kilang yang mengelakkan membayar cukai jualan yang dikutip bagi pihak jabatan. Kedua, mengenai masa yang hendak digunakan untuk memeriksa barang-barang import atau eksport dari udara, laut dan darat dan juga aktiviti penyeludupan rokok kretek. Penyeludup-penyeludup sangat berjaya untuk menyeludup rokok jenis ini — bukan rokok sahaja, tetapi ada barang-barang yang lain yang diseludup masuk ke negara ini. Saya berharap semua masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan untuk mencapai satu tahap yang lebih tinggi bagi pengeksporan negara ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi? Silakan Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar pun hendak mengambil bahagian?

3.59 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk saya menyertai dalam perbincangan Rang Undang-undang Akta

Kastam 1967. Saya turut memberikan penghargaan atau ucapan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian yang mengemukakan suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kastam 1967 ini.

Saya yakin bahawa usaha ini perlu diberikan penghargaan kerana Akta ini nampaknya mengemaskinikan dan mengukuhkan lagi peruntukan-peruntukan bagi melaksanakan tugas sebagai satu badan kerajaan untuk memungut hasil negara. Saya bersetuju dengan pandangan Kepong tadi, yang baik kita bersetuju mengenai masalah bahawa Jabatan Kastam ini memainkan peranan penting. Ia merupakan satu jabatan kerajaan, negara untuk memastikan hasil-hasil dikutip dengan baik.

Dalam hal ini, dari segi pencegahan perlu juga diambil kira dan diperketatkan lagi usaha-usaha pencegahan. Kita tidak mahu ada satu kebocoran dalam kutipan revenue kita, kutipan pendapatan kita daripada duti dan exercise Jabatan Kastam. Kita bimbang juga kadang-kadang penyeludup-penyeludup ini makin canggih dari semasa ke semasa. Kalau dahulu pakai bot-bot biasa, sekarang pakai bot-bot yang lebih laju dan lebih canggih. Saya tak tahulah sama ada Kepong, dia tahu dengan bot-bot yang lebih canggih ini.

Dari segi pencegahan, saya ucap syabas kepada usaha ini, bahawa hendak memberikan uniform yang baru, memberikan kuasa yang baru kepada Ketua Pengarah. Namun demikian, rayuan saya ialah supaya melipatgandakan lagi usaha memastikan kita memberikan satu warning kepada penyeludup-penyeludup ini, it doesn't pay, dengan izin.

Satu perkara dari segi masalah pencegahan ini, baru-baru ini kita dengar berita ada barang yang ditangkap semasa aktiviti penyeludupan ini diletak di dalam

stor. Tetapi barang yang di dalam stor ini hilang — stor jagaan Kastam. Saya minta supaya bukan sekadar meningkatkan usaha-usaha pencegahan ini, tetapi usaha-usaha juga menjaga keselamatan barang-barang yang kita tahan, yang kita tangkap daripada usaha-usaha pencegahan ini seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua tentang usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengurusan mengambil ataupun memproses barang-barang yang masuk. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan sebab satu usaha yang kita dengar, kita baca dalam akhbar menggunakan sistem yang baru, menggunakan komputer, di mana jangkaannya kita dengar, mungkin boleh dapat penjelasan yang lebih lanjut bahawa satu cadangan yang amat baik sekali, tak tahu bila jangkanya, tetapi didengardengar pelaksanaannya sudah bermula bahawa tidak perlu lagi kita mengisi borang, tidak perlu lagi kita menggunakan kertas, tak perlu lagi kita pergi ke Jabatan Kastam, tidak perlu lagi kita berhubung dengan pegawai kastam dengan secara fizikal untuk hendak mengeluarkan barang-barang yang berada di lapangan-lapangan terbang dan di pelabuhan-pelabuhan.

Usaha ini untuk meningkatkan pengurusan barang-barang masuk, pengurusan mengutip cukai ini secara, dengan izin, paperless, ini amat baik sekali. Saya minta penjelasan sedikit, setakat mana pelaksanaan yang dipanggil EDI (Electronic Data Interchange). Saya nampak bahawa berapa banyak dan berapa ramainya agen-agen penghantaran yang telah terlibat dalam sistem yang baru ini. Saya difahamkan masing-masing hanya memasukkan atau menggunakan computer terminal dan maklumat ini akan dihantar terus kepada pihak kastam dan akan diproses seterusnya dengan tidak payah lagi mereka pergi ke Pelabuhan Kelang, pergi ke Lapangan Terbang Subang. Saya nampak bahawa ini satu

perkara yang amat baik sekali, kita mengucapkan syabas. Apa yang mungkin boleh dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini setakat mana pelaksanaan usaha yang baik ini, sebab saya setuju dengan Kepong tadi. Sekarang ini sudah 19, we are number nineteen dari segi industrialise country, tetapi kita mahu lebih tinggi. Sudah semestinya kita mahu turn-around barang-barang yang masuk dan keluar negara itu kalau boleh secepat yang mungkin. Mengapa tidak? Kita boleh mengisi borang-borang untuk meng'clear'kan Kastam ini sebelum barang itu sampai dan membayar duti itu sebelum kapal terbang barang itu sampai. Kita membayar duti masuk alat-alat komponen yang masuk ke negara kita sebelum kapal itu sampai sendiri. Bila kapal itu sampai, duti sudah dibayar. Bila kapal terbang itu sampai, alat-alat sudah dibayar dutinya. Maknanya turn-around kita immediate dan current. Sebab itu saya nampak kalau ini dapat dijayakan, ini menunjukkan bahawa kita sudah mengambil usaha yang kita panggil satu usaha leap frogging, lompat — Kepong, lompat katak. Tahu lompat katak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Sila, sila. Kita hari ini sehari sahaja, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jumaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Satu usaha — leap frogging, ini sebab dia pandang saya, Tuan Yang di-Pertua. Dia perli-perli, dia buat cemik-cemik muka pada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, yalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Satu usaha leap frogging yang baik ini kita mengucapkan syabas dan kita mohon dapat disahkan, mungkin boleh beri penjelasan sedikit dalam usaha yang baik ini.

Saya sekali lagi, ingin menyokong Akta untuk meminda Akta Kastam 1967. Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar. Lepas itu Menteri menjawab.

4.06 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin bercakap sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedar saya biasa cakap pendek sahaja.

Saya menyokong pindaan Rang Undang-undang meminda Akta Kastam 1967. Tetapi di samping saya menyokong, ingin saya bertanya, apakah rasional di belakang penukaran uniform kastam? Adakah menukar uniform kastam ini sengaja hendak menyelaraskan uniform setimpal dengan uniform-uniform penguatkuasa lain ataupun hendak mengikut jejak langkah jabatan-jabatan lain yang telah menukar uniform mereka, maka kita mengikut langkah yang sama. Tetapi kalau itulah tujuannya, mungkin penukaran uniform adalah kurang memuaskan dari segi hakikatnya. Tetapi kalau pertukaran uniform ini oleh kerana memperbaiki lagi dan memperkemaskan prestasi pegawai-pegawai kastam, saya memang bersetuju. Dan menggunakan uniform terutama sekali kalau kita pandang dalam Fasal 6, pemindaan seksyen 9, iaitu memberi satu peruntukan agar menjadi satu kesalahan kepada sesiapa sahaja memakai uniform yang seimbab atau serupa dengan uniform kastam.

Jadi, ini adalah satu pindaan yang baik, kerana tidak ada makna kalau uniform itu dipakai mana-mana anggota-anggota pasukan-pasukan yang berkuasa, kalau orang lain boleh sewenang-wenangnya menggunakan uniform yang sama dan tidak menjadi kesalahan kepada mereka.

Jadi, dengan sendirinya pindaan ini adalah cukup menyeluruh dan memuaskan dan saya berharap penguatkuasaan dari segi penggunaan uniform itu nanti juga dikuatkuasakan dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Kastam adalah satu jabatan yang penting, sebagaimana rakan-rakan kita sebut tadi iaitu untuk memungut hasil dalam negara. Jabatan Kastam mesti dipertingkatkan bukan sahaja dari segi uniform, tetapi juga dari segi kuasa untuk menggunakan senjata-senjata api di mana mereka bertugas di tempat-tempat merbahaya dan latihan pada mereka mestilah diberi dengan baik, diberi dengan cekap supaya kecekapan mereka boleh dipertingkatkan. Kerana senjata api umpamanya yang saya cadangkan, bukan sahaja boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain, tetapi juga boleh membahayakan sebab mereka yang memegang senjata api itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, senjata api tidak mendatangkan hasil kalau tidak dilengkapi dengan kemudahan lain, umpamanya tidak ada bot, tiada kereta yang pantas, bot yang laju. Kerana sebagaimana yang saya tahu penyeludupan di negeri Sabah, saya berjumpa dengan seorang kawan yang menjual enjin Yamaha, dia kata penyeludup-penyeludup di Sabah menggunakan enjin 1,000 horsepower, dalam satu bot empat biji enjin yang 200 horsepower satu. Enjin ini boleh dibeli second hand dengan harga yang murah kerana diguna dalam masa tiga bulan ke empat bulan sahaja, selepas itu mungkin enjin itu tak tahan lama, kata dia.

Jadi, dalam keadaan yang demikian kalau bot-bot yang dipakai oleh pihak kastam hanya mempunyai horsepower bot yang sangat besar mempunyai horse power yang kecil, namun usaha Jabatan Kastam ataupun usaha Kastam tidak akan mendatangkan hasil. Jadi, pihak kastam banyak mengeluarkan wang, tetapi ada juga masalah kastam meminta duit kepada kerajaan tidak diluluskan.

Jadi, saya berharap pihak kastam yang lebih mengetahui dan lebih faham masalah mereka, permohonan pihak kastam itu mestilah dipandang dengan teliti oleh pihak kerajaan dan diberi kelulusan kerana kastam mengetahui masalah mereka dan permohonan yang sedemikian sepatutnyalah disokong dan diberi perhatian padu supaya negara kita tidak kehilangan sumber cukai yang patut dipungut oleh pihak kastam akibat penyeludupan. Saya menyeru juga supaya pihak kastam mencari, barang siapa yang menjual harta-benda seperti enjin, bot kepada pihak penyeludup dan mungkin daripada situ kita boleh mencari siapa penyeludup itu dan berapa banyak hasil-hasil yang dibawa ke dalam negara kita ini yang tidak dibayar cukainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dalam keadaan yang demikian, saya berharaplah pihak kastam bukan sahaja lengkap dengan uniform yang indah, dengan pakaian yang indah dan dengan authority card yang ada tetapi juga lengkap dengan perkara-perkara lain seperti senjata, bot dan kereta-kereta yang pantas dan laju untuk memperkemaskinikan dan untuk memperbaiki perkhidmatan mereka yang telah kita sanjung tinggi dan yang telah kita dapati sememangnya baik supaya kita mendapat lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Rompin

dan Batang Lupar yang telah membahaskan pindaan Rang Undang-undang Kastam, 1967. Rata-rata saya dapati bahawa ketiga-tiga ahli ini telah menyokong pindaan Rang Undang-undang ini yang bertujuan semata-mata untuk memperkemaskan Jabatan Kastam di dalam melaksanakan usaha mengambil cukai untuk menambahkan hasil negara daripada hasil pembangunan ekonomi yang pesat berlaku sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong di samping mempersetujui tentang hal ini telah membangkitkan masalah-masalah pemakaian lencana dan mengenai penguatkuasaan. Beliau telah bertanya, bagaimana boleh kita mengecam orang yang menyamar sebagai Pegawai Kastam? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kepong — dia tidak ada di sini — di dalam Akta ini kita telah menambahkan cara-cara untuk mengenal pegawai-pegawai kastam dengan mengadakan lencana. Kalau dahulu hanya kita memberi authority card sahaja, sekarang kita tambahkan satu lencana iaitu satu lencana yang saya bawa di sini, macam lencana FBI.

Jadi, selain daripada authority card sebagai seorang pegawai kastam, mereka perlu menunjukkan lencana ini dan boleh disimpan dalam poket ataupun boleh dibubuh dipinggang — sebagaimana yang kita tengok di dalam televisyen yang dipamerkan oleh agen-agen FBI. Jadi, inilah satu daripada usaha kita, di dalam kes uniform tadi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Bukan setakat untuk hendak mengikut servis-servis uniform yang lain, tetapi tujuannya ialah untuk memperkemas dan merasionalisekan identification, dengan izin, kepada pegawai-pegawai kastam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan mengenai, Fasal 3, bila ada 'dispute' atas pengkelasan siapa yang akan tentukan. Sepertimana yang diterangkan di dalam pindaan ini, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menentukan pengkelasan mengenai dengan pembayaran barang-barang ini dan beliau juga telah membangkitkan mengenai soal, "apakah Ketua Pengarah boleh menyelesaikan semua masalah?" Tidak perlu saya menjawab soal itu kerana telah dijawab dengan cukup padu dan penuh oleh rakan-rakan dari Barisan Nasional — dari Rompin, dari Parit Sulong — tidak perlu saya mengulangkan jawapan ini dan apa yang mereka katakan itu mengenai konsep *delegation of power*, dengan izin, adalah boleh diterima sebagai jawapan kami.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan juga mengenai Fasal 10 — pindaan mengenai adanya perbezaan "Huraian" dengan apa yang ada di dalam Rang Undang-undang. Sebenarnya tidak ada perbezaan di antara "Huraian" dengan yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang. Masalahnya ialah Yang Berhormat dari Kepong salah tafsir apabila beliau membaca "Huraian" dan apabila beliau membaca Rang Undang-undang. Sebenarnya apa yang disebut di dalam "Huraian" itulah yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang. Saya minta beliau membaca dengan teliti.

Beliau juga membangkitkan mengenai dengan kecekapan dan efisiensi pihak kastam dan Yang Berhormat perlu ingat bahawa dari masa ke semasa pihak kastam telah menunjukkan prestasi yang tinggi di dalam pengutipan cukai-cukai dan efisiensinya tinggi. Pada tahun ini sahaja,

pada suku tahun yang pertama, pihak kastam telah mengutip lebih kurang RM7.5 bilion, cukai-cukai termasuk segala pengkelasan cukai-cukai, iaitu cukai import, cukai eksport — saya ada senarainya di sini, banyak. Tahun sudah dekat RM17,000,000 dan saya fikir pada tahun ini peningkatan akan berlaku di dalam usaha pihak kastam mengutip cukai-cukai seperti mana yang ditugaskan kepada pihak mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya, mengapa pihak pengilang tidak membayar duti eksais? Saya hendak menjawab pun susah juga, kerana ini masalah pihak kilang, tetapi untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, saya ingin menyatakan jikalau ada kilang yang tidak membayar ataupun sengaja tidak membayar, mesti mereka mempunyai masalah-masalah "cash flow", masalah kerugian, masalah itu dan masalah ini. Jadi, inilah sebab-sebabnya yang kita boleh beri penjelasan kepada Yang Berhormat mengapa kilang-kilang tidak dapat membayar duti eksais dan cuba lari dari duti ini daripada dibayar kepada Kastam.

Yang Berhormat membangkitkan soal mengapa lambat dan beliau meminta supaya daripada 7 jam diturun kepada 3 jam dan diturun kepada 1 jam di dalam proses melepaskan satu-satu barang di pelabuhan. Yang Berhormat mesti ingat bahawa di pelabuhan bukan sahaja pihak kastam yang memproseskan pelepasan sesuatu barang, pihak

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau 3 jam atau 7 jam itu di lapangan terbang, yang daripada

pelabuhan memang setakat 12 jam atau 16 jam — itu biasa. Saya mintalah Yang Berhormat dapat membezakan pintu-pintu masuk sama ada dari udara, laut atau darat — tidak serupa tempoh yang digunakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini dia tidak sabar. Saya belum habis lagi. Saya kata pelabuhan dan juga lapangan-lapangan terbang. Kastam bukan sahaja merupakan satu autoriti yang melepaskan barang-barang di pelabuhan dan lapangan terbang. Lain-lain autoriti diwujudkan di situ seperti pihak pertanian yang mengkuarantinkan barang-barang di pelabuhan dan pihak sekuriti yang lain-lain yang membuat segala pemeriksaan. Tetapi, walau bagaimanapun, Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu adalah diambil dengan baik dan dari masa ke semasa kita akan membaiki kecekapan dan terus meningkatkan prestasi pihak kastam di dalam bidang ini.

Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya juga, apakah usaha-usaha yang diambil untuk mencegah ketidakbayaran cukai. Ingin saya menyatakan di sini, pada amnya masalah ini melibatkan pembayaran cukai jualan ataupun cukai eksais seperti mana saya kata tadi dan sebab-sebab telah pun saya beri, masalah-masalah cash-flow, masalah kerugian dan lain-lain masalah mengenai dengan kilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab — sudah habis. Kepong, minta maaf. Yang Berhormat tidak ada tadi. Saya hendak ulang, tidak bolehlah. Tadi yang saya telah jawab habis, kalau saya ulang menghabiskan masa Dewan. Banyak Yang Berhormat bangkitkan tetapi Yang Berhormat menghabiskan 40 minit semalam, hanya tiga perkara sahaja yang

dibangkitkan. Kalau saya bercakap masa saya di Backbenchers dahulu, 40 minit, 40 perkara saya boleh bangkitkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak jawab apa yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Cuma dua perkara yang dijawab tadi. Yang satu lagi mengenai pengimportan rokok kretek pun tidak jawab langsung. Macam mana boleh....
(Ketawa)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia masuk, dia dengar dua sahaja. Yang lain saya jawab, rokok kretek saya tidak jawab.

Mengenai dengan rokok kretek, memanglah kalau Yang Berhormat dari Kepong mengikut, membaca akhbar di muka-muka dalam, bagaimana boleh dikatakan tiap-tiap masa, pihak kastam telah merampas penyeludupan rokok-rokok kretek ini.

Yang Berhormat tentu tahu mengenai dengan ilmu alam negara kita yang dilingkari beribu-ribu kilometer pantai. Yang Berhormat mesti ambil kira bahawa pihak kastam adalah manusia dan mereka telah melakukan seboleh-bolehnya, secepat-cekapnya dan pada hakikatnya, mereka telah merampas dan membanteras penyeludupan rokok-rokok kretek ini. Ini menunjukkan bahawa mereka telah melakukan satu kerja yang baik. Misalannya pada tahun 1994. Mengenai dengan penyeludupan kretek, pada 1993 mereka telah merampas lebih kurang RM31 juta nilai rokok kretek dan pada 1994, 118,575.6 kilogram yang bernilai RM6.76 juta dan cukai yang dilarikan sebanyak RM23 juta.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, prestasi yang ditunjukkan oleh pihak kastam. Walaupun keadaannya adalah cukup susah untuk dijalankan pengawasan tetapi kita telah berjaya mengurangkan sekurang-kurangnya usaha-usaha penyeludupan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin membangkitkan dua persoalan iaitu pencegahan. Beliau berkata tidak mahu ada kebocoran dan minta dilipatgandakan lagi usaha dan yang kedua, dalam hal ini ada barang rampasan yang hilang. Kita akui dan ini akan dikemaskinikan dan dengan adanya pindaan di dalam Rang Undang-undang ini, kita harap dengan kecekapan pihak kastam, dengan kuasanya yang lebih, mereka akan dapat mengurangkan atau meminimumkan kebocoran yang berlaku.

Mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan lagi urusan memproses barang-barang yang masuk. Seperti mana yang Yang Berhormat sebut tadi, penggunaan EDI, pengkomputeran kerja-kerja pihak kastam. Saya ingin menyatakan di sini, proses pemasangan EDI ataupun mengadakan sistem ini akan siap insya-Allah pada hujung Oktober 1995 yang akan diwujudkan di Port Kelang dan seterusnya di lain-lain tempat. Kaedahnya macam Yang Berhormat kata tadi, Yang Berhormat pun sebut mengenai kaedah EDI ini yang akan dijalankan pada Oktober tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar bertanya apakah rasional di belakang pertukaran uniform kastam, saya telah menjawab tadi iaitu di dalam Fasal 6, diperketatkan pemakaian uniform dan dibolehkan apa yang saya kata tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau hendak tengok ini, saya tunjuk tadi kepada Yang Berhormat. Saya sengaja bawa untuk Yang Berhormat, tengok Yang Berhormat tidak ada pula. Jadi, ini untuk mengidentifikasi kastam yang lebih. Sekarang kita ada authority card sahaja.

Sekarang ditambahkan dengan ini. Kalau dia hendak bubuh di pinggang pun boleh, dia hendak stail macam Yang Berhormat bila bercakap, bawa keluar orang nampak, itu pun boleh, tarik kot dan lain-lain lagi. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar juga mempersoalkan perkara yang sama.

Dan pihak kastam mesti diberi penggunaan senjata api. Sememangnya pihak kastam dilatih dan diberi penggunaan senjata api khususnya di dalam bahagian penguatkuasaan. Dan saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya mereka dilatih dan ditingkatkan kecekapan mereka di dalam penggunaan senjata api kerana pihak-pihak penyeludup pun canggih di dalam penggunaan senjata api mereka.

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

Tuan Yunof Edward Maringking:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri tentang penyeludupan ini. Di kawasan saya, awal bulan Mei terjadi satu penyeludupan oleh pendaratang-pendaratang asing dan masalahnya tentang kelengkapan pihak marin saya ingat ataupun mungkin polis di mana terpaksa pihak polis meminjam perahu dari orang kampung dan nasib baik ada orang kampung meminjamkan perahu dan sesudah sampai di tempat di mana penyeludupan itu berlaku, satu pertembungan dengan penyeludup-penyeludup dengan pihak polis dan pihak polis, saya sangat berbangga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang kita tidak bercakap mengenai polis, kita bercakap mengenai kastam.

Tuan Yunof Edward Maringking:
Saya fikir ini marin, pihak pencegah penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berbahas sekarang mengenai dengan kastam, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak, saya ingin meminta penjelasan tetapi mesti memberi back groundlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tahulah, tetapi soalnya Yang Berhormat keluarkan itu berkenaan dengan polis. Apa yang dibincangkan sekarang ini ialah.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak, ini tentang penyeludupan. Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat penjelasan tentang penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua: Penyeludupan bersangkutan dengan kastam, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, memang betul. Jadi, kita tidak tahu, saya belum siasat dengan betul tetapi yang saya mahu tahu sama ada sediakah kementerian Yang Berhormat memberi kelengkapan seboleh-bolehnya kepada pihak kastam termasuk bot-bot laju yang boleh bersaing dengan penyeludup-penyeludup yang begitu banyak di Sabah dilakukan oleh pendatang asing. Maksud saya bertanya tadi, hanya memberi pandangan dan ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat apa yang telah berlaku. Sebenarnya kenapa di situ ada penye-ludupan dan pihak yang berkuasa pula terpaksa meminjam perahu. Tidak ada peruntukan bot-bot walaupun penyeludup-an memang sering berlaku di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sanggup. Penyeludupan kita tidak tahu di mana ianya akan berlaku. Kita tidak boleh meletakkan di tiap-tiap inci pantai kita satu bot kastam ataupun bot polis. Mungkin penyeludupan yang berlaku di Tuaran itu semasa itu tidak ada bot polis.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini, saya ingin membantu sama ada Yang Berhormat ini bersetuju atau tidak. Saya hanya memberi maklumat di mana ada kekurangan. Di Tuaran ini memang satu kawasan di mana potensi penye-ludupannya memang berlaku. Jadi saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.....Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab tadi, sanggup. Selepas itu saya — rendanglah sedikit, saya hendak kata, Yang Berhormat hendak minta tiap-tiap inci ada bot polis, tiap-tiap jam ada polis di situ, kemungkinan apa yang berlaku di Tuaran itu satu insiden yang di mana tidak ada satu benda di satu tempat — di tempat yang dikehendaki. Ini adalah realiti kehidupan dunia, Yang Berhormat.

Jadi, jawab saya tadi, sanggup. Bagi pihak Kastam.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan memperhatikan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Bagi pihak Kastam, Kastam adalah di bawah Kementerian Kewangan dan apa yang mereka minta, kita akan lihat secara direct. Dan ini, apa Yang Berhormat dari Tuaran bangkitkan adalah sama juga dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang meminta supaya bot-bot yang lebih laju, yang kuat, yang efisien dibekalkan kepada pihak kastam. Ini selalu kita bekalkan dan kebanyakan perbelanjaan kepada Kastam dan kepada Polis Marin — apa yang diminta, kita beri. Bermakna kita tahu, seperti mana yang saya kata tadi, negara kita adalah negara yang mempunyai pantai yang banyak, khususnya di Sabah, di Tuaran, di Tawau, di Semporna dan di lain-lain tempat lagi.

Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang, kalau ada masalah, Yang Berhormat bawalah ke dalam Dewan ini dan kita akan memperbaiki masalah itu.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat — 3 orang Ahli Yang Berhormat, dari Kepong, dari Rompin dan juga dari Batang Lupar yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini

dan saya minta, kalau apa-apa yang saya tidak menjawabnya, kita akan mengambil perhatian. Pegawai-pegawai saya ada di belakang — mereka akan mencatatkan segala teguran untuk diperbaiki kerja-kerja Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahi-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan bagi kali yang kedua.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai perkhidmatan. Pindaan kepada cukai perkhidmatan perlu dibuat untuk mempermudah pihak awam memahami kehendak Akta dalam urusan mereka berkaitan cukai itu.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta untuk menjelaskan bahawa penyata dalam bentuk yang ditetapkan hendaklah menyatakan amaun kesemua jumlah hasil-hasil yang diterima oleh seseorang yang kena membayar cukai dalam sesuatu tempoh yang kena dibayar cukai yang tertentu dan bukannya jumlah caj yang dilevikan oleh orang yang kena membayar cukai dalam tempoh yang kena dibayar cukai yang tertentu itu.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk memperuntukkan bahawa cukai perkhidmatan hendaklah hanya menjadi genap masanya apabila pembayaran bagi perkhidmatan atau barang diterima. Walau bagaimanapun, jika pembayaran bagi perkhidmatan atau barang tidak diterima dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran invois bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan itu, maka cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh 6 bulan itu. Apa-apa cukai yang genap masanya hendaklah kena dibayar cukai kepada Ketua Pengarah dalam masa 28 hari yang berikutnya selepas tamat tempoh yang berkenan yang kena dibayar cukai itu.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

4.39 ptg.

Tuan Tiong Thai King (Lanang): Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin menarik perhatian kerajaan, terutama Kementerian Kesihatan, iaitu mengenai jualan rokok bebas cukai di kedai-kedai dalam lapangan terbang. Kerajaan kita tiap-tiap tahun membelanjakan wang yang banyak bagi emolumen dan pengambilan kakitangan baru, termasuk pegawai perubatan dan jururawat bagi pembelian ubat dan alat perubatan serta aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan bagi penyakit berjangkit. Bagi peminan hospital baru.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap atas apa itu? Ini berkenaan dengan cukai pendapatan, Yang Berhormat. Cukai perkhidmatan, Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap mengenai dengan hospital apa itu?

Tuan Tiong Thai King: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja lagi. Tetapi, jika sedikit pun, jika tak betul, tak boleh juga! Cuba cakap sedikit lagi, hendak dengar.

Tuan Tiong Thai King: Kerajaan berharap rakyat kita sihat dan segar. Kerana itulah rokok dikenakan cukai yang agak tinggi. Harapan kita ialah rakyat kita boleh berhenti merokok.

Tetapi Kementerian Kesihatan dan membenarkan dan membiarkan jualan rokok bebas cukai di lapangan terbang. Langkah ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak kena Yang Berhormat. Tidak masuk dia punya tajuk Yang Berhormat. Tidak masuk dia punya tajuk Yang Berhormat, perkara yang hendak diucapkan ialah berkenaan dengan cukai perkhidmatan.

Tuan Tiong Thai King: Okay, sorry.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Saya benarkan Yang Berhormat dari Kepong berucap 10 minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak sampai 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sampai, ya.

4.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Sebab yang hendak dipindahkan itu tidak banyaklah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Tidak banyak.

Dr. Tan Seng Giaw:dan di dalam Rang Undang-undang yang berikut pun tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya tidak lama akan habis semua, sebelum malam — 5.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bangkitkan di sini memang cukai perkhidmatan menimbulkan masalah di kalangan profesional terutamanya dan juga mengenai pembayaran cukai perkhidmatan di tempat-tempat meletak kereta. Ini memang timbul masalah. Masalah sejak ia dikuatkuasakan, pihak motorists, pengguna motokar bila diletakkan di tempat-tempat meletak

kereta, mereka mesti bayar angka-angka yang dikenakan — the whole sum. Bukan setakat peratusan yang dibayar bahkan juga bila dibayar dengan lebih kerana tidak ada syiling-syiling hendak bayar.

Pihak operator hendak caj, misalnya kita tidak ada setengah sen ataupun syiling-syiling yang kecil. Mereka letak lebih banyak sedikit untuk memudahkan kiraan dan sebagainya. Ini mengambil kesempatan. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan kekeliruan seperti ini dan untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan yang dibuat oleh pihak operator untuk meletak kereta?

Ini satu masalah yang sering dihadapi bukan sahaja oleh saya bahkan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga semua orang termasuk Tuan Yang di-Pertua juga. Kerana kita hendak meletak kereta, tempat untuk letak kereta tidak cukup di bandar raya ini dan juga di bandar-bandar seperti di Kajang pun tidak cukup. Kerana tidak cukup kita mesti cari tempat letak kereta dan di situ dicaj dengan lebih untuk cukai perkhidmatannya. Itu satu perkara saya berharap dapat dijawab dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dikuatkuasakan Akta Cukai Perkhidmatan ini, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah pencapaian dari tahap untuk mengutip cukai perkhidmatan daripada cukai yang dianggarkan hendak dibayar tiap-tiap tahun, apakah peratusan kutipannya? Dan dengan adanya pindaan seperti hari ini, adakah kutipan-kutipan ini akan dipertingkatkan lagi? Kalau ada banyak lagi yang tidak bayar seperti mana yang disebutkan tadi untuk kilang-kilang yang tidak bayar, kerana kilang ini mereka dapat cukai bagi pihak kementeriannya dan pihak jabatannya, daripada pembeli-pembeli dan mereka tidak dapat bayar ataupun enggan membayar kepada jabatan. Sebab itulah

ada peratusan pembayar cukai perkhidmatan ini tidak dapat menjelaskan dan apakah peratusan prestasi kutipan untuk mengutip cukai perkhidmatan ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

4.46 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan ini. Saya ingin menyentuh dua perkara sahaja iaitu cukai perkhidmatan ini seharusnya ditujukan kepada orang-orang yang mewah sahaja dan saya harap pihak kementerian yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif agar cukai-cukai perkhidmatan ini tidak dikenakan pula kepada rakyat yang miskin. Misalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan ini juga dikenakan di restoran-restoran dan juga perkhidmatan-perkhidmatan guaman dan sebagainya. Jadi, cukai perkhidmatan ini selalunya dibayar oleh orang yang datang yang memerlukan perkhidmatan yang sudah pun membayar bayaran-bayaran perkhidmatan kepada orang yang menyediakan perkhidmatan kena lagi pula bayar 5% cukai perkhidmatan. Jadi, ini membebankan kepada rakyat yang miskin.

Jadi, saya harap formula yang lebih munasabah kepada rakyat yang berpendapatan rendah akan diselidiki. Kita harus mengamalkan apa yang kita cakapkan iaitu masyarakat penyayang dan janganlah kita sayang kepada masyarakat yang kaya sahaja. Kita tidak sayang rakyat yang miskin. Sudahlah miskin, kita kenakan pula bayar cukai perkhidmatan. Satu saranan yang saya beri, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti bayaran EPF di mana pihak pencarum dikenakan bayaran dan juga majikan dikenakan caruman. Jadi, ada adil sikitlah kalau begitu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah bukan sahaja cara kutipan itu harus dikawal dengan sebaik-baiknya supaya tidak diseleweng oleh pihak-pihak yang memungutnya tetapi juga jangan diperkenalkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan di mana yang memerlukan perkhidmatan itu ialah rakyat yang termiskin agar tidak menjadi bebanan kepada rakyat yang miskin. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana telah menimbulkan beberapa masalah. Yang pertama, ialah mengenai mengapa prestasi kutipan yang telah diperolehi daripada cukai perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah yang telah dapat diperolehi daripada cukai perkhidmatan bagi tahun 1994 ialah lebih kurang RM813 juta. Ini merupakan lebih kurang 5% daripada jumlah pungutan hasil daripada Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja.

Mengenai kadar ataupun jumlah yang dapat dikutip selama tiga tahun kebelakangan ini ialah izinkan saya baca angka-angka seperti ini iaitu yang pertama, bagi tahun 1992 lebih kurang RM312 juta. Bagi tahun 1993 lebih kurang RM600 juta. Bagi tahun 1994 ialah RM809 juta. Kalau berdasarkan kepada angka-angka sedemikian, telah kita nampak jumlah pungutan daripada cukai perkhidmatan itu adalah berlipat ganda. Ini adalah satu-satu yang menunjukkan peningkatan daripada RM300 juta kepada RM800 juta.

Khasnya untuk perkhidmatan profesional pun kita telah nampak satu kenaikan yang baik iaitu bagi tahun 1992 pungutannya ialah RM54 juta. Tahun 1993 pungutannya ialah RM121 juta. Tahun 1994 ialah RM165 juta.

Saya rasa bagi soalan yang kedua yang dikemukakan iaitu berkenaan dengan kutipan yang remeh-temeh iaitu mengenai syiling-syiling yang terlibat yang diturunkan oleh operator kepada tuanpunya kereta, bagi pihak Jabatan Kastam kita fikir ini adalah perlu dijalankan dengan bayaran yang kecil itu.

Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang mengatakan supaya cukai perkhidmatan ini janganlah dikenakan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat, tujuan formula-formula yang telah ditetapkan untuk mengenakan cukai perkhidmatan itu memanglah telah mengambilkira perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebagai contoh, dikenakan cukai perkhidmatan itu adalah seperti berikut, antaranya ialah kelab malam — ini orang mewah sahaja yang pergi, dewan tarian, kabaret, pusat kesihatan dan begitu juga untuk restoran-restoran yang besar, yang pungutan pusingan perniagaannya melebihi RM¹/₂ juta setahun barulah dikenakan cukai perkhidmatan, bar-bar di dalam dan di luar hotel dan untuk kelab-kelab persendirian, rumah urut, rumah bir dan hospital persendirian.

Perkara-perkara seperti itu menunjukkan cukai perkhidmatan itu adalah sebenarnya telah dikhususkan untuk kita mengenakan cukai kepada orang-orang yang menggunakan perkhidmatan yang mewah. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Eksais 1976 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai eksais. Pindaan kepada Akta Eksais perlu dibuat khususnya untuk memperketat serta memperjelaskan peruntukan akta untuk membolehkan kawalan hasil yang lebih berkesan.

Fasal 1 memberikan tajuk ringkas Rang Undang-undang.

Fasal 2 bertujuan meminda tarif gudang berlesen dalam subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan kedai bebas cukai.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibaca bagi kali yang kedua.

Saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Akta Zon Bebas 1990 adalah undang-undang bagi mengawal selia perjalanan zon perdagangan bebas dan zon perindustrian bebas bagi tujuan khususnya untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa dan membolehkan kawalan hasil yang lebih berkesan. Maka selain dari pindaan-pindaan Akta Kastam, Akta Eksais dan Akta Cukai Perkhidmatan yang telah dilakukan tadi, pindaan-pindaan juga perlu dibuat kepada Akta Zon Bebas.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 17(1) Akta dengan memotong perkataan "perindustrian". Dengan pindaan ini, bentuk dan cara menyimpan akaun bukan sahaja bagi satu zon perindustrian bebas tetapi juga bagi suatu zon perdagangan bebas hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 42 Akta untuk menyifatkan pemindahan dari kapal ke kapal dalam had-had pelabuhan zon bebas sebagai pemindahan yang dilakukan di dalam zon itu.

Fasal 5 bertujuan memasukkan tiga peruntukan baru, iaitu seksyen 42A, 42B dan 42C untuk mengawal selia pemindahan barang-barang ke dan dari zon bebas melalui laut, udara, jalan dan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.03 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi satu amalan biasa untuk mengadakan zon bebas, bukan sahaja untuk kawasan perindustrian bahkan juga untuk kawasan perdagangan dan sekarang untuk pelabuhan-pelabuhan pula dan memang itu bagi mengadakan zon bebas ini. Kita berharap dapat memberi rangsangan kepada perniagaan dan perdagangan serta juga menjadi satu pemangkin kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat ini berapa zon bebas yang telah diadakan di negara ini dan jenis-jenis zon bebas ini? Apakah keuntungan dan kebaikan yang didapati daripada zon-zon yang telah pun diadakan di negara ini? Apakah kelemahan perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti yang tidak baik daripada zon bebas ini? Saya percaya bahawa ada segelintir orang yang hendak mengelakkan cukai menggunakan kaedah-kaedah dan saluran-saluran yang tertentu melalui zon-zon bebas ini.

Sukalah saya membangkitkan mengenai usaha pihak kerajaan untuk menjadikan Pelabuhan Kelang Utara sebagai zon bebas sejak lhb April ini. Ini satu langkah yang pertama. Mungkin zon bebas akan diadakan di pelabuhan-pelabuhan yang lain. Saya diberitahu

bahawa perbuatan yang sedemikian ialah untuk menjadikan satu 'entrepot', sekarang di Pelabuhan Kelang Utara dan mungkin tidak lama lagi Pelabuhan Kelang Barat dan Selatan juga akan menikmati kemudahan-kemudahan zon bebasnya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sistem pengurusan zon bebas ini, kerana di dalam zon ini memang ada terminal-terminal di mana kita tidak boleh anggap sebagai zon bebas, misalnya zon-zon seperti Kedah Cement, Gold Coin Feedmill, Petronas dan sebagainya. Ini tidak boleh dianggap sebagai zon bebas. Bagaimana pihak kementerian dapat menguruskan semua ini supaya zon ini dapat berjalan dan diuruskan dengan baik. Adakah pihak kerajaan akan mengeluarkan garis-garis panduan yang tertentu supaya pengguna-pengguna zon bebas ini dapat memperolehi faedah-faedah daripada zon tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pelabuhan-pelabuhan di negara ini, termasuk di Pulau Pinang yang menjadi "pulau hitam" sekarang dan juga Pasir Gudang yang menjadi "feeder port" sahaja. Adakah kemungkinan "feeder port" seperti ini dapat dijadikan zon bebas juga? Saya dengar dia "feeder port" sahaja. Bahkan juga di Pelabuhan Kelang "transshipment" adalah lebih kurang 30% di "tranship" kepada Singapura. Pulau Pinang itu dipindah kepada Singapura hampir 100% sebagai "feeder port" iaitu barang-barang diangkut (tranship) ke Singapura hampir 100% dan di Pelabuhan Kelang 30% kerana 30% daripada perdagangan Malaysia ialah melalui Singapura, melalui jalan dan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Pelabuhan Kelang sedang dimajukan dan diperbesarkan dan Pulau Indah dimajukan untuk tujuan ini, maka ini memang menunjukkan potensi yang besar untuk

Pelabuhan Kelang dijadikan satu pusat bagi rantau ini. Adakah maksud Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak zon bebas ini supaya kita boleh capai satu tahap perdagangan di zon-zon ini yang lebih tinggi lagi, termasuk di Pelabuhan Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan hasrat kerajaan menjadikan zon-zon seperti di Pelabuhan Kelang Utara menjadi satu perdagangan 'entrepot' untuk menggalakkan pembangunan di industri-industri seperti perkapalan dan industri-industri yang lain (support services).

Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang diambil dengan mengadakan 'entrepot' trade atau perdagangan 'entrepot' ini untuk menjadikan negara ini lebih efisien dari segi kita hendak mempertingkatkan invisible earning dan menjimatkan tukaran asing. Ini satu langkah yang perlu diambil untuk menjimatkan tukaran asing, kerana di dalam masalah aktiviti pelabuhan ini kita hilang banyak tukaran asing kerana pelbagai faktor termasuk invisible trade dan sebagainya.

Setakat ini pihak kerajaan pada pendapat saya di segi pengurusan dan kecekapan untuk invisible trade ini tidak begitu memuaskan, kerana faktor-faktor yang tertentu. Adakah usaha akan diambil untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan invisible trade ini supaya bersama-sama dengan free trade zone ini kita dapat menjimatkan pertukaran asing untuk negara ini?

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana 10 minit sudah digunakan. Sebagai ramalan saya tadi tidak lamalah Rang Undang-undang ini kerana isi kandungannya kurang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau.

5.12 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, sememangnya usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi skop akta ini ialah sesuatu yang kita terima dengan baik, memandangkan zon-zon bebas (free trade zone) ini adalah satu daripada langkah untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran barang-barang negara khususnya dari segi perindustrian.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan adanya akta-akta yang baik dan menyeluruh, tidak semestinya ia boleh menggalakkan dengan tahap yang tinggi pengeluaran barangan-barangan tempatan. Jikalau perkara-perkara asas tidak diambil perhatian dari segi pembentukan dan pembangunan sektor perindustrian, khususnya dari segi infrastruktur-infrastruktur yang asas. Misalnya keperluan bekalan elektrik yang bukan sahaja murah dari segi tarifnya, tetapi juga berterusan dan tidak terganggu seperti mana yang sedang terjadi di Pulau Pinang di saat ini. Dan memang beberapa negeri yang lain, khususnya di Sabah masalah seperti ini juga sentiasa muncul.

Perkara yang lain, yang diperlukan dalam zon-zon bebas ini, selain daripada infrastruktur asas seperti elektrik, air, jalan raya, harga tanah yang kompetitif dan juga perbekalan atau, dengan izin, supply services keseluruhannya. Maka dengan itu tumpuan seharusnya bukan sahaja kepada skop sesuatu akta itu, tetapi dari segi perkara perindustrian, pembekalan infrastruktur yang asas ini hendaklah diambil kira.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, hal insentif juga harus diambil kira, kerana pengecualian daripada cukai tarif tidak mencukupi untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan ataupun asing untuk mengambil bahagian dalam sesuatu

pembangunan free trade zone, dengan izin. Insentif dan galakan-galakan yang lain, yang membolehkan pengeluaran sesuatu barangan itu dengan kos yang rendah, dengan produktiviti yang efisien juga haruslah diambil kira.

Dalam segi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada Timbalan Menteri yang berkenaan perkara cadangan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), iaitu satu kawasan yang telah dicadangkan oleh kerajaan negeri untuk dijadikan sebagai satu free trade zone. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi perkara-perkara asas seperti infrastruktur khususnya bekalan elektrik, bekalan air, jalan raya, hal tanah belum lagi diambil kira ataupun diusahakan pada saat ini.

Maka dengan itu saya mempunyai beberapa soalan untuk kementerian yang berkenaan, apakah sebenarnya peruntukan permohonan kerajaan negeri untuk mewujudkan satu zon perdagangan bebas iaitu KKIP? Sudahkah kelulusan diberi atau tidak kerana pada persidangan Dewan Undangan Negeri tahun yang lalu dan baru-baru ini dipersoalkan, pada saat itu dikatakan sedang menunggu kelulusan ataupun tindakan daripada pihak Kerajaan Persekutuan?

Kedua, apakah jenis barangan-barangan ataupun industri-industri yang telah dipersetujui, yang diluluskan kerana ini adalah perkara persekutuan di dalam zon perdagangan bebas ini.

Ketiga, apakah insentif-insentif yang telah difikirkan untuk diluluskan bagi satu projek raksasa ini? Kerana setahu saya pihak MIDA dan pihak ISIS telah pun membuat kajian yang menyeluruh dua tiga tahun yang lalu mengenai perkara pembentukan insentif-insentif, khusus bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak demi untuk mempertingkatkan sektor perindustrian di kedua-dua negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga, saya ingin bertanya adakah industri-industri berasas kepada kayu-kayuan diberi perhatian atau pertimbangan dari segi dimasukkan dalam zon perdagangan bebas ini? Kerana telah pun lama juga disentuh oleh pihak kementerian ini, khususnya kementerian yang pada dahulunya Kementerian Perusahaan Awam untuk mengadakan satu timber processing belt bagi negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi itu hanya telah menjadi satu announcement, satu pengumuman dan selepas itu tidak ada perkara ini dibincangkan ataupun diteruskan dari segi pembentukannya. Jadi, adakah memandangkan Sabah dan Sarawak kini ekonominya berasas pada dominant factor iaitu perhutanan, maka adakah ini dimasukkan juga dalam KKIP yang tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja sumbangan saya dengan harapan pihak Timbalan Menteri dapat memberi ulasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian diminta jawab.

5.19 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Bandau yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini.

Saya ingin meyakinkan Yang Berhormat dari Kepong yang berucap dan kadang kala satu point itu diulang berbilang kali. Saya ingin tekankan bahawa kerajaan sedang berusaha dengan gigihnya untuk mempergiatkan perdagangan luar negeri iaitu international trade — perdagangan antarabangsa. Malah kita sekarang menjadi negara yang

ke-19 terbesar dari segi perdagangan antarabangsa, dan ini boleh ditengok ataupun boleh dilihat dari usaha-usaha kerajaan untuk mengadakan pusat-pusat 'entrepot'. Jadi satu daripada usaha ini ialah mengadakan zon-zon perdagangan dan perindustrian bebas.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanyakan berapa zon bebas yang telah diadakan. Sebenarnya, pada masa ini ada 4 zon perdagangan bebas dan 14 zon perindustrian bebas. Beliau telah bertanya apakah keuntungannya dan apakah kelemahannya? Sebenarnya dari segi kelemahan tidak ada, oleh kerana zon ini kita memberi segala insentif, segala kemudahan dan segala infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keuntungannya, ianya membolehkan pemerosesan barang-barang tanpa bayaran cukai. Itulah yang dimaksudkan dengan bebas dan namanya sendiri menunjukkan kelebihanannya (advantage). Juga ianya membolehkan usaha-usaha mengeksport semula (reexportation of goods), dengan izin, tanpa melalui proses yang tidak produktif dan proses yang meningkatkan kos. Jadi, perkhidmatan-perkhidmatan kastam dan eksais diwujudkan di situ.

Yang Berhormat juga menyebutkan tentang usaha-usaha mengelakkan cukai di zon-zon ini. Saya tidak tahu, apakah yang telah berlaku dalam usaha-usaha pengelakan cukai? Ini akan selalu dikawal selia dan kenal pasti oleh pihak kastam yang mengawal selia zon yang saya sebutkan tadi. Jadi, sistem pengurusan zon bebas ini, Ahli Yang Berhormat bertanya, bagaimana yang dibuat? Selalunya zon bebas sama ada ianya zon industri ataupun zon perdagangan, ianya dipagar dan dikawal dengan rapi oleh pihak kastam. Barang yang keluar masuk semuanya dikawal dengan rapi dan dicatatkan.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya adakah 'feeder port' dijadikan zon bebas? Memang pada akhirnya kita hendak menjadikan pelabuhan-pelabuhan kita sebagai pelabuhan yang berdiri sebagai entrepot — pelabuhannya sendiri. Memang ada dua, tiga feeder port yang memberi feeding activity, dengan izin, kepada ini, tetapi seboleh-bolehnya satu hari nanti kita tidak akan menjadi 'feeder port' kepada Singapore lagi dan ini akan mengurangkan current account defisit yang kita atasi sekarang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai 'invisible earnings'.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya sama ada kementerian hendak mewujudkan lebih banyak zon-zon bebas. Ya. Kalau banyak lagi boleh kita wujudkan dan jikalau ianya mendatangkan hasil kepada negara. Dan mengenai 'invisible earnings', saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kita masih lagi lemah di dalam mengatasi pembocoran 'invisible earnings' ini, malah pembocoran berlaku dengan banyak dan ini dibayangkan di dalam defisit current account yang kita hadapi sekarang. Insya-Allah, dengan usaha-usaha kerajaan kita akan dapat mengatasinya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan (facilities) yang saya sebutkan tadi dengan adanya pindaan undang-undang yang dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau mencadangkan supaya infrastruktur-infrastruktur di dalam zon-zon ini diadakan dengan lebih efisien. Beliau bertanya mengenai dengan insentif. Ingin saya nyatakan di sini insentif ke atas pendapatan diberi sekiranya promoted activities layak untuk mendapatkan Investment Tax Allowance iaitu Elaun Cukai Pelaburan atau pioneer status. Ini adalah sebahagian daripada banyak insentif yang diadakan.

Saya tidak ingin menyebut semua insentif-insentif yang diberikan tetapi apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah segala insentif yang diberikan itu adalah untuk menggalakkan pengeluaran yang lebih efisien dan mengeluarkan barang-barang yang mempunyai competitive edge dengan barang-barang persaingan kita.

Mengenai dengan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) sebagai Free Trade Zone, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan menyokong dan memberikan support, dengan izin, kepada usaha ini dan Kerajaan Persekutuan akan membantu dengan sepenuh-penuhnya usaha untuk menjadikan KKIP ini sebagai satu reality. Terletaklah kepada pemaju dan kerajaan negeri menyediakan kemudahan-kemudahan untuk dibangunkan di situ. Dan apakah jenis.....

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah dasar kerajaan mengadakan zon bebas ini dicampur-adukkan dengan zon pelancongan supaya ia bercampur, iaitu perindustrian dan pelancongan? Adakah itu dasarnya? Oleh kerana KKIP ini adalah dikenal pasti untuk pembangunan pelancongan tetapi kalau diadakan juga zon bebas di situ, mungkin seperti yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, para pelancong pula mungkin akan menyeludup. Di situ ada juga banyak penyeludupan. Saya minta penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang dibincangkan ialah zon perdagangan bebas dan zon perindustrian bebas. Saya tidak tahulah ada zon pelancongan bebas. Apa maksud Ahli Yang Berhormat dengan zon pelancongan bebas? Adakah bebas segala-galanya, tidak pakai baju, tidak pakai seluar (*Ketawa*).

Saya faham mengenai apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan. Macam berlaku di Bukit Kayu Hitam, pelancong datang, pelancong pergi...

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi, adakah menjadi dasar pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan zon perdagangan bebas di tempat yang sama iaitu di zon untuk pelancongan pula?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dasarnya sudah ada seperti kita lihat di Bukit Kayu Hitam, pelancongan ada di situ, industri akan diadakan dan perdagangan bebas juga akan diadakan.

Mengenai industri kayu yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau, saya fikir industri perkayuan tidak perlu untuk dimasukkan di dalam zon perdagangan dan industri bebas KKIP ini kerana seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perindustrian kayu balak bergergaji tidak dikenakan duti import dan ia tidak perlu dimasukkan. Kita akan memasukkan industri-industri yang mana ada duti import dan lain-lain duti untuk menggalakkan pembangunan industri itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada point-point yang dibawa oleh kedua Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Bandau. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita beralih ke peringkat Jawatankuasa untuk melanjutkan lagi perbincangan Rang Undang-undang ini, sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa masa sekarang telah pun jam 5.30 petang. Menurut Peraturan Mesyuarat 19(3), saya menempohkan perbincangan ke atas Rang Undang-undang Akta Zon Bebas (Pindaan) 1995 yang sedang dibahaskan sekarang bagi membolehkan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong dibahaskan seperti mana yang telah dinyatakan awal tadi. Pihak pencadang dan penyokongnya akan diberi masa selama 30 minit dan bagi pihak kerajaan pula masa yang diberikan adalah sama iaitu 30 minit juga.

USUL

KEPUTUSAN BEKALAN TENAGA ELEKTRIK DI PULAU PINANG

5.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Terutamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bersetuju dan mengizinkan satu perbincangan atas satu krisis tenaga yang baru.

Pada tahun 1992, apabila berlaku "Black September", di mana ada tragedi terputusnya bekalan elektrik di seluruh negara, kerajaan ada memberi satu jaminan kepada negara ini bahawa tidak akan berlaku lagi krisis tenaga oleh kerana kerajaan akan menggubalkan satu plan contingency bagi menghadapi krisis tenaga apabila tercetus masalah keputusan bekalan secara besar-besaran. Semasa itu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos — bukan Menteri sekaranglah. Menteri sekarang kawan saya, tetapi Menteri dahulu kawan dia, Menteri Kerja Raya. Beliau mengumumkan bahawa inilah jaminan kerajaan, ada contingency plan untuk mencegah berulang kali krisis tenaga semacam ini begitu besar-besar, bahawa sebuah jawatankuasa peringkat tinggi juga dibentuk untuk tujuan ini. Tetapi sebelum tiga tahun berlalu negara ditimpakan lagi satu krisis tenaga di Pulau Pinang. Inilah hari bencana yang ke lima. Kenapa janji kerajaan itu tidak dikotakan?

Selepas pilihan raya besar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan satu kod kelakuan, code of conduct, kod etika semua menteri-menteri, dan satu ciri-ciri prinsipnya ialah collective responsibility bahawa semua menteri-menteri bertanggungjawab kepada semua keputusan-keputusan jemaah menteri. Jaminan yang ada dibuat oleh kerajaan pada tahun 1992 bahawa ada contingency plan, tidak akan berlaku krisis tenaga besar-besaran ialah satu komitmen Kabinet, satu komitmen para menteri, termasuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sekarang, sungguhpun masa itu beliau tidak memegang jawatan ini. Inilah kita mahu satu jawapan semasa contingency plan yang dibuat bukan sahaja oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu, tetapi bagi pihak kabinet tidak ditunaikan. Kita mahu tahu apa peranan jawatankuasa tertinggi itu untuk mencegah krisis ini. Adakah ini satu

phantom cabinet, phantom committee, semacam pilihan raya besar ada phantom voters. Kita mahu senarai siapakah dan apa usaha-usaha yang dibuat oleh mereka dan kenapa krisis tenaga berlaku di negeri Pulau Pinang?

Nampaknya selepas penswastaan Tenaga Nasional, frequency krisis tenaga besar-besaran lebih kerap kali. Sebelum krisis tenaga Black September 1992, krisis tenaga besar-besaran ialah 1985 — dalam tempoh tujuh tahun. Sekarang — selepas 1992 – 1995, tak genap tiga tahun, berlaku lagi satu krisis besar. Ini mungkin boleh jadi satu ukuran mengenai penswastaan, tidak accountable, tidak perlu accountable kepada rakyat oleh kerana tujuannya ialah keuntungan, profit motivated, dan bukan bertanggungjawab kepada negara. Satu soalan ada diutarakan dalam *New Straits Times*, Editorial hari ini, saya rasa sangat tepat, sungguhpun kita bukan kawan dengan *New Straits Times (Ketawa)* sama ada, dengan izin:

"Assurances that administrative centres will not suffer any disruption is of little comfort for a state as industrially dynamic as Penang. What use is an efficient state administration if the engine which drives its prosperity is decimated? Under these circumstances one wonders whether Tenaga understands its moral and social obligations to its consumers, in particular, and the nation, in general?"

Kita perlu tanya, sama ada Tenaga faham tanggungjawabnya kepada pengguna-pengguna dan negara. Oleh kerana kalau Tenaga Nasional faham tanggungjawab dan kewajipan mereka kepada pengguna-pengguna dan negara tentulah keutamaan bukan mahu naik tariff. Selepas pilihan raya besar, cepat-cepat mahu naik tariff. Sungguhpun sekarang ada dibekukan, tarik balik, tak tahulah. Sama ada tarik

balik atau tak tarik balik, dibekukan untuk dikaji semula, tetapi mungkin akan naik. Tetapi masalah-masalah kualiti, keunggulan perkhidmatan semua tidak diberi, dipandang dengan serius. Kalau tidak tentu apa yang berlaku di Pulau Pinang tidak akan berlaku. Oleh kerana tentu kalau ada contingency planning, forward planning yang cekap tentu tidak ada krisis tenaga di negeri Pulau Pinang, sungguhpun kita ada sebab-sebab diberi bahawa di Pulau Pinang yang menggunakan 330 megawatt, bekalan ialah melalui tiga circuit yang terbakar ialah 210 megawatt, sebab itulah mencetuskan krisis ini. Tetapi kenapa tidak forward planning? Yang pertama!

Yang kedua, kenapa tidak ada contingency planning? Kalau ada forward planning, ada contingency planning tentu ini tidak akan berlaku. Dalam krisis Black September 1992 kerugian yang dialami oleh pengguna-pengguna, industri-industri atau negara ialah lebih RM200 juta. Siapa bertanggungjawab? Bukan Tenaga Nasional! Sekarang di Pulau Pinang mungkin mengalami kerugian beratus juta ringgit. Siapa yang akan bertanggungjawab?

Hari ini Yang Berhormat Menteri sendiri kata, bahawa tenaga will pay if it is negligence, dengan izin, Tenaga Nasional Bhd. will pay compensation if it is proven to be negligence for the power failure in Penang — if negligence. Kalau bukan Tenaga negligence, siapa negligence? Adakah pengguna negligence, industri negligence atau kabinet negligence oleh kerana tidak memastikan ada contingency plan atau Kerajaan Negeri negligence? Tentu ini perlu dipikul oleh Tenaga Nasional. Kenyataan-kenyataan semacam ini yang disebut oleh Energy, Telecommunication dan Post Minister, Datuk Leo Moggie said, the rule of law will prevail RM200 juta, tetapi kerugian RM200 juta Black September

1992 siapa prevail? Rakyat mengalami kerugian, bukan TNB. "Will prevail, and anyone can take legal action against Tenaga if they have sufficient evidence". Apa sufficient evidence? Kerajaan ialah untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan pengguna-pengguna, industri-industri dan bukan kepentingan Tenaga Nasional — monopoli. Sebab itu, apa yang kita perlu ialah satu undang-undang mengenai customer compensation scheme, di mana selain daripada Tenaga Nasional boleh membuktikan ia tidak negligence, selain daripada Tenaga Nasional boleh membuktikan ia tidak lalai, Tenaga Nasional perlu membayar pampasan ganti rugi kepada semua pengguna-pengguna, industri-industri yang mengalami kerugian.

Itulah tugas suatu kerajaan yang mahu menjaga kepentingan orang ramai dan bukan monopoli-monopoli semacam Tenaga Nasional yang mana ada individu-individu yang mungkin dapat saham-saham yang khas.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh jawab selepas ini. Ada lagi setengah jam. Itu khas untuk Barisan Nasional, masa itu boleh jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya....

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa, bila saya sebut saham individu, saham-saham bumiputera yang dikhaskan untuk Tenaga Nasional atau mana-mana korporat, Yang Berhormat begitu takut?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: Bukan itu, kalau Yang Berhormat hendak dengar, kalau tidak takut, berilah saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masa singkat, nanti boleh jawab, tentu ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjung, teruskan. Kalau tidak beri jalan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takut, sebut 'special' untuk bumiputera shares — takut, jangan, jangan!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*) Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Masa singkat, masa terhad.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*) Bertenang, bertenang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang lain itu jangan mencelah sesuka hati.

Tuan Lim Kit Siang: Dan saya berharap, ini serius, supaya kerajaan boleh memberi perhatian yang berat atas perkara ini, supaya beratus juta ringgit — kerugian yang berlaku dalam krisis tenaga di Pulau Pinang boleh menjadi satu precedence yang perlu dipikul oleh Tenaga Nasional dan Tenaga Nasional diarahkan oleh kerajaan untuk menerima tanggungjawab ini dan meminta semua pengguna-pengguna — industri-industri dan syarikat-syarikat business-business supaya menyenaraikan kerugian-kerugian mereka (list out losses) supaya dikemukakan kepada Tenaga Nasional dan mungkin Tenaga Nasional perlu menubuhkan satu unit 'compensation' untuk membayar ganti rugi. Baharulah dengan tanggung-

jawab itu kita boleh ada harapan Tenaga Nasional akan lebih bertanggungjawab dan lebih peka terhadap kebajikan sosial dan moral kepada negara. Kalau tidak — "Tak apa! Tak apa krisis tenaga! RM400 juta, RM200 juta bukan perlu dipikul oleh Tenaga Nasional."

Tuan Yang di-Pertua, kenapa boleh berlaku krisis tenaga ini? Saya harap tidak akan ada sesiapa yang akan mengulangi sebab yang diberi dalam tahun 1992 iaitu "act of God". Bila ada orang kata Black September ialah act of God, Yang Berhormat dari Rompin pun setuju.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti jawab. Ada setengah jam boleh jawab. Saya mahu bertanya sama ada benar bahawa di bulan Februari dalam satu 'routine check-up' ada dikesan bahawa ada kebocoran-kebocoran dalam 'cable circuit' dan ada laporan yang dikemukakan kepada TNB tetapi tidak ada tindakan diambil. Saya harap satu siasatan boleh diadakan. Satu siasatan, bukan siasatan untuk menutup apa yang berlaku tetapi untuk mengesani latar belakang sebenar krisis tenaga ini. Dalam pilihan raya besar baru-baru ini, Ketua Menteri ada berkata bahawa mungkin dalam tempoh pilihan raya besar akan berlaku pemutusan tenaga secara besar-besaran.

Bukankah ini satu 'intimition', satu bukti bahawa pihak yang berkuasa tahu bahawa pembekalan elektrik kepada Pulau Pinang adalah dalam satu keadaan yang sangat merbahaya. Kalau begitu, kita mahu penjelasan kenapa tidak ada "contingency plan" yang harus diberi dan kita mahu tahu, apabila kebakaran berlaku pada pukul 1.16 tengah hari pada hari Ahad, kenapa kebakaran itu perlu dikesani daripada Kuala Lumpur selepas setengah jam?

Kedua, kenapa semua circuit cable itu tidak ada divider. Sekarang ada seorang 'expert' kata perlu ada divider. Itu satu perkara yang begitu basic, kenapa tidak dibuat?

Ketiga, mengikut pakar-pakar yang ada didatangkan dari Germany, segala kerosakan bukan sahaja oleh kerana kebakaran, tetapi oleh kerana usaha-usaha balai bomba untuk menyelamatkan dan memerangi kebakaran itu. Dengan izin, inilah apa yang disebut dan dilaporkan "The damage of the Penang Bridge was severe as water accede into the cables in the process of fire fighting". "Langler" adalah expert daripada Germany said, "under normal circumstances there were cut four to five metres of the cables. But in this case they have to cut more cable as more has been damage by water". He said, "at the moment two or three damage circuit having cut within overall length 17 metres". Biasanya 4 atau 5 meter, tetapi sekarang oleh kerana fire fighting, 70 meter. Adakah ini satu gambaran bahawa kita ada satu perkhidmatan yang cekap, yang "state-of-the-art"? Dan apa yang kita baca dalam surat khabar pun menimbulkan kesangsian bahawa kalau dua submarine cables yang sekarang menjadi kabel yang tunggal untuk membekal elektrik kepada Pulau Pinang, ada masalah, mungkin dalam tempoh 3 bulan barulah boleh diperbaiki.

Kita mengagung-agungkan kepakaran kita, kita mahu negara yang lain ikut keprofesionalisma kita, kepakaran kita, tetapi inilah — semua menunjukkan bahawa kita ada satu keadaan yang perlu diatasi kalau kita tidak mahu menjejaskan iklim pelaburan yang mengakibatkan kerugian beratus juta ringgit kepada rakyat jelata dan kepada negara kita dan juga kalau sebenarnya kita mahu menjadi satu negara ekonomi yang moden dan membangun.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu kita ambil perhatian ialah sikap Tenaga Nasional. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri, sekarang pun bersetuju bahawa Tenaga Nasional, selepas penswastaaan tidak menganggap keperluan-keperluan pengguna sebagai satu perkara yang penting. Dalam 5 hari ini, pengguna-pengguna Pulau Pinang sangat sukar untuk berhubung dengan sesiapa dalam Tenaga Nasional, dan kalau dihubungi, ada yang mendapat layanan yang sangat tidak baik. Kenapa — adakah itu sikap penswastaaan? Penswastaaan ialah di mana tanggungjawab ialah untuk shareholders dan bukan kepada rakyat dan negara.

Selain daripada tidak ada 'contingency plan' dan tidak ada 'forward planning', sangat ternyata selepas krisis tenaga di Pulau Pinang ini, kita sudah lihat tidak ada crisis management langsung, tidak ada krisis kebolehan untuk mengadakan 'crisis management'.

Sebaliknya, kita ada dengar satu amaran melalui radio dan televisyen semalam di mana TNB ada mengeluarkan amaran kepada pengguna-pengguna, jangan menggunakan elektrik yang lebih. Kalau tidak, akan berlaku pemutusan 100% bekalan di Pulau Pinang. Masalah ini ialah oleh kerana kelalaian TNB, oleh kerana kecuaiannya, maka berlaku satu krisis tenaga, bukan tepat untuk Tenaga Nasional mengeluarkan amaran kepada pengguna-pengguna. Tentulah dalam krisis macam ini, rakyat perlu bekerjasama tetapi bukan melalui amaran, seharusnya melalui cadangan, melalui nasihat dan saya harap TNB boleh ambil perhatian.

Sebenarnya di Pulau Pinang, dalam dua tahun ini sudah kerap kali berlaku krisis tenaga. Ini bukan satu perkara yang baru. Dalam bulan Februari dan dalam bulan Mei, ada berlaku keputusan bekalan elektrik yang 'major' dan sehingga

Persatuan Pengeluar-pengeluar Malaysia Cawangan Utara dan MCCI ada mengeluarkan kenyataan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh industri-industri di Pulau Pinang dan sebagai contohnya, inilah satu kenyataan yang dikeluarkan oleh FMM, Northern Region, dengan izin:

“The urgent task now is to implement good crisis management measures to minimise the adverse impact on manufacturers who have delivery obligations to their overseas buyers. Tenaga is providing an essential service critical to the nation economic development. FMM urges Tenaga to wake up earnestly to our call to improve the quality of its service” dan lain-lain.

Sekarang, lebih daripada 200 buah kilang terlibat dan terjejas. Lebih daripada 76,000 pekerja-pekerja terlibat. Semua pejabat-pejabat, bank-bank, sekolah-sekolah terlibat serta mereka yang mahu membuat persiapan untuk UPSR pun sekarang menghadapi kesukaran dan semua lapisan masyarakat jadi mangsa, tetapi sebenarnya masalah krisis tenaga tidak khusus berlaku di Pulau Pinang sahaja. Di lain-lain negeri pun ada terlalu kerap kali berlaku krisis tenaga tetapi tidak begitu besar-besaran. Hari ini kita boleh baca dalam surat khabar. Negeri Sembilan di Senawang di mana ada sungutan bahawa kilang-kilang di Senawang Industrial Estate, dengan izin:

“.....are incurring huge losses following frequent power disruptions in the past few months. The management of the factories are also unhappy with the Tenaga Nasional’s explanation for the disruptions”.

Bukan sahaja di Senawang, di Petaling Jaya, di Melaka, di Johor, Kuala Lumpur — kenapa ada contingency plan yang ada dijanjikan tetapi tidak ditunaikan? Saya

harap bahawa, saya tidak salahkan Yang Berhormat Menteri mengenai krisis tenaga di Pulau Pinang tetapi Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab dalam penswastan Tenaga Nasional, yang bertanggungjawab atas infrastruktur ini, yang ada buat jaminan bahawa akan ada contingency plan perlu bertanggungjawab, khasnya mengikut kod etika yang ada diumumkan selepas pilihan raya besar dan saya harap apa yang terpenting sekali ialah yang pertama, bahawa pengulangan hal ini tidak akan berlaku.

Kedua, bahawa kita boleh dapat satu jaminan dari Yang Berhormat Menteri bahawa Tenaga Nasional akan dipertanggungjawabkan atas semua kerugian-kerugian yang dihadapi oleh pengguna-pengguna industri-industri di Pulau Pinang bukan melalui tindakan undang-undang. Ini tidak guna. Dan apa yang kita mahu ialah satu sikap yang baharu oleh Tenaga bahawa bertanggungjawab terhadap semua kerugian yang dialami oleh pengguna-pengguna oleh kerana kecuaiannya atau kelalaian Tenaga Nasional mengadakan satu ‘arbitration tribunal’ di mana pampasan boleh dinilai dan dibayarkan, bukan melalui legal action tetapi satu prinsip diterima oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dan kalau perlu, kita boleh ada satu undang-undang, dibincang dan diluluskan dalam Dewan ini untuk menubuhkan satu ‘arbitration tribunal’ untuk menilai kerugian-kerugian, pampasan-pampasan yang patut diberi kepada semua pengguna-pengguna yang mengalami kerugian akibat krisis Tenaga Nasional. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, diingatkan cuma tinggal 3 minit sahaja.

5.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: 3 minit sahaja? Tuan Yang di-Pertua, catuan elektrik dibuat di Pulau Pinang sekarang. Memang ramai orang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong, menerima amaran jangan gunakan lebih 30 minit daripada setiap 4 jam. Walau bagaimanapun, amaran diberi supaya jangan menggunakan lebih tenaga elektrik dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ada dua kabel dasar laut sahaja untuk menyalurkan 160 megawatt yang merupakan kira-kira separuh dari keperluan bahagian Pulau Pinang yang menggunakan 330 megawatt.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kerosakan kerana kebakaran tersebut, kita hanya tinggal 120 megawatt sahaja dan ini pun dijalankan lebih 160 megawatt melalui kabel dasar laut yang pihak Tenaga Nasional tidak mempunyai kepakaran untuk membaikinya sekiranya kerosakan berlaku ke atas kedua-dua kabel dasar laut. Ini satu krisis yang sangat dahsyat. Tiga soalan. Yang pertama, adakah pihak Tenaga Nasional mempunyai pelan contingency seperti mana yang dilaung-laungkan pada 3 tahun yang lepas? Ini nampaknya tidak ada contingency plan. Tidak ada langsung. Semalam pun saya ada menyebutkan mengenainya. Yang kedua, adakah Tenaga Nasional membuat jangkaan yang betul terhadap keperluan tenaga di Pulau Pinang dan juga di seluruh negara?

Tenaga Nasional mendapat keuntungan hampir RM2 bilion — hampir RM2 bilion dan pusing ganti hampir RM5.6 bilion yang begitu besar keuntungan dan pusing ganti. Mengapa kita tidak dapat membuat jangkaan yang baik.

Soalan yang ketiga ialah, adakah Tenaga Nasional benar-benar satu badan korporat yang profesional yang mempunyai keprofesionalisme yang cukup unggul, yang cukup baik untuk menangani semua bekalan elektrik di negara ini? Inilah ketiga-tiga soalan yang mesti dijawab oleh pihak kementerian

dan adakah kemampuan negara ini untuk memperbaiki kedua-dua kabel di dasar laut yang hanya di mana para penduduk "pulau hitam" sekarang dapat menerima bekalan elektrik.

Kalau tidak ada kemampuan untuk memperbaiki kedua kabel tersebut, saya diberitahu pihak Tenaga Nasional akan terpaksa mempelawa pakar-pakar asing untuk membaikinya dan tempoh yang diperlukannya sehingga tiga bulan. Ini satu masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa Yang Berhormat dah suntuk. Masa dah suntuk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu krisis yang sangat dahsyat, yang perlu ditangani dengan baik, yang perlu mengadakan satu crisis management yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jumaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sebelum Rompin berucap, ada satu usul di sini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

6.02 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul seperti mana yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin.

6.05 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyertai dalam perbincangan usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang. Saya kagum melihat tokoh Ketua Pembangkang pada hari ini. Macam ada satu nyawa baru. Betul? Ini dahulu robocop, selepas pilihan raya, tak ada nyawa. Sekarang barangkali ada nyawa baru. Saya mengucapkan syabas. Tetapi kalau benar-benarlah apa yang dinyatakan itu di hati, mengapa hanya usul ini dikemukakan hari ini?

Insiden ini berlaku pukul 1.00 pagi.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tak payah, sebab tak beri peluang. Kalau saya beri, itu saya beri!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya beri, saya mendengar setengah jam! Berilah peluang saya pula! Ini kata demokrasi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu hak dia Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Ini demokrasi DAP ini! Kalau dia boleh, kita tak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Kita tunggu Barisan, tengok!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Kalau benar-benar — DAP benar-benar sensitif memperjuangkan masyarakat Pulau Pinang, mengapa pada hari ini baru membawa usul ini, mengapa tidak hari Isnin? (*Tepuk*) (*Disampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Ini pula — Kepong ini hendak tolong Ketua Pembangkang? Mana anaknya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tak beri. Berilah peluang saya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan, tak?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tidak, tidak beri. Masa saya — saya ada setengah jam sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya teruskan. Tetapi Barisan Nasional, kita tetap — apa yang kita kata, kita kotakan. Berlaku hari Isnin, pagi hari Ahad, betul Menteri? Pukul 2.00 petang ya? (*Tepuk*) Ketua Menteri pun datang juga ya? Ketua Menteri datang ke Balik Pulau? (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Bukan, bukan, nanti..... saya belum habis, baru mula — no problem, masalah contingency, perancangan, kita boleh bahasa, tak ada masalah. Beri masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Ketua Pembangkang diingatkan jangan mencelah macam itu ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Berilah — baru intro. Komitmen kerajaan ini jelas — Ketua Menteri, ada berlaku, terus pergi. Saya tak tahu kalaulah Yang Berhormat sendiri yang menjadi Ketua Menteri, saya tak yakin. Saya dengar cerita Tenaga Nasional, pengurusannya boleh dikatakan berpindah, orang kata kampung itu pindah-randah ke Pulau Pinang. Apa lagi? Ini komitmen kerajaan bahawa kita tetap peka dan sensitif kepada masalah negara. Apa lagi ini? Ini macam saya nampak DAP ini dia hendak cari satu whipping boy — whipping boy, hendak pukul. Ada sahaja chance, pukul, sebab hendak balas dendam, balas geram kerana kalah pilihan raya di Pulau Pinang! (*Tepuk*)

Hujah yang dia kata — hujah kita semua tahu, semua keluar dalam surat khabar! Kalaulah hujah atau fakta yang dikeluarkan dalam surat khabar, kita semua pun boleh, betul tak? Kita semua tahu, apa hujah barunya! (*Disampuk*) Depa kata buang masa Dewan sahaja.

Ini hendak kata tentang forward planning. Saya tak nampak, saya hendak tanya — kalau planning itu mesti forward, apa forward planning lagi ini? Ini kata satu perkataan baru — contingency plan. Saya yakin, kita semua yakin, kerajaan dan TNB ada contingency plannya — hendak satu gas turbine yang baru 110 megawatt sedang dipasang, kabel bawah laut lebih kurang saiznya 1000 megawatt ada dalam perancangan. Tak tahulah apa namanya — tahukah? Ada. Inilah contingency plan!

Kalau apa perancangan awal yang hendak diusahakan akan datang tidak dianggapkan sebagai perancangan, sebagai contingency plan, saya tak tahu apa dia. Inilah membayangkan selepas pilihan raya ini cuba — ini the kick off for the Tanjung Fourkah ini? (*Ketawa*) (*Disampuk*) Bermula pada 'krisis' yang dia kata. Pada saya, ini perkara biasa. Saya hendak bawa kepada Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Kepong — ini hendak mengambil alih Ketua Pembangkang dia ini? (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat tak beri jalan, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya tak beri, saya teruskan. Kalau anaknya hendak bela, mungkin saya beri. Tetapi kalau orang lain — inilah, bila ayah ada masalah, anak senyap, orang lain yang tolong! Bila jawatan ayah, hendak! (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Saya hendak membawa satu perkara yang berlaku. Mungkin saudara ingat di New York sendiri ada New York Power Black-out. Saya hendak mengatakan bahawa dalam suasana masyarakat

yang canggih seperti di New York, pernah berlaku black-out! Satu lagi, satu jana-kuasa nuklear dipanggil Third Mile Island, nuclear plant pun pernah rosak, secanggih-canggih pengawasan, secanggih-canggih perancangannya, kadang-kadang ada perkara yang tidak dapat dielakkan.

Baru-baru ini kita dengar di Kobe, Jepun.....

Tuan P. Patto: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Yang Berhormat dari Bagan diingatkan jangan mencelah macam itu, Yang Berhormat! Tak baik!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tetapi sekarang, suara sokong ini sudah tak ramai, tetapi galak lagi! (*Ketawa*) Di Jepun, baru-baru ini kita dengar ada bencana alam yang berlaku — earthquake, ini yang tak faham Bahasa Malaysia ini! Berlaku! Walau macam mana jambatan yang direka — jambatan yang di atas, bukan jambatan sungai ya. Kena beritahu orang DAP supaya dia faham sikit, terutama Kepong. (*Ketawa*)

Di Kobe, walaupun dirancang dengan satu masyarakat yang canggih, yang moden seperti Jepun, berlaku earthquake atau gempa bumi, jatuh juga! Ini berlaku kepada satu masyarakat yang moden seperti Jepun! Di negara kita, ini lumrah alam. Kadang kala walau macam mana dirancang, walau macam mana diusaha, berlaku juga! Tetapi bukanlah kita doakan supaya berlaku macam DAP! Yang ini yang kata demokrasi sangat, terutamanya DAP ini!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat..... Yang Berhormat..... Pokok Sena bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Ha, itu kawan, saya beri. (*Ketawa*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Rompin sebab selepas mendengar Ketua Pembangkang tadi, saya ingin tahu sama ada kalau DAP memerintah, perkara ini tak mungkin berlakukah? Sebab ini adalah accident — macam Ketua Pembangkang dahulu, bila dia accident, dia accident, jadi adakah lain kali dia tak akan accident lagi? (*Ketawa*) (*Tepuk*) Sebab contingency — tak habis lagi, tak habis lagi. Sebab dia mesti rancang, lain kali, DAP tak akan accident lagi! (*Ketawa*) Kalau dia kena 23 jarum, dia tak mungkin kena lagi! (*Ketawa*)

Jadi, yang keduanya.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jangan kacau!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Ada Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan.

Dr. Tan Seng Giaw: 36(6).

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Berkenaan apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya akan buat keputusan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tanya contingency planning.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya buat keputusan. 36(6) sangkaan jahat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong saya rasa tidak kena.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia jangka akan berlakunya kemalangan ke atas Ketua Pembangkang. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini tidak kena. Andaian itu tidak kena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan lagi satu. Sama ada kalau tidak diswastakan, adakah ini tidak berlaku? Dia kata kerana diswastakan, benda ini berlaku. Saya hendak tanya saudara saya dari Rompin, kalau tidak diswastakan tidak mungkinkah berlaku benda ini? Mesti berlaku juga sebab accident dan lagi satu perkara saya ingat lebih besar lagi daripada kes "Black Tanjong" ini; tentang hasutan DAP dalam pilihan raya ini kalau berjaya saya ingat lebih besar lagi accidentnya daripada yang berlaku di TNB.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, 36(1) sangkaan jahat. 36(1) — kita hendak bincangkan prinsip....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pokok Sena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hei, siapa beri jalan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti dulu. Peraturan Mesyuarat dibangkitkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Krisis elektrik Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk dulu ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita minta Menteri jawab. Ini bukan Menteri. Bukan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, nanti dulu. Pokok Sena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kita hendak bahas sebelum Menteri gulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya hendak buat keputusan dulu ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong itu adalah tepat, sebab apa yang disoal itu memang adalah hak Yang Berhormat dari Pokok Sena. Tetapi janganlah terkeluar sangat dari apa yang kita bincangkan sekarang.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jadi, saya minta Yang Berhormat dari Rompin jawab. *(Ketawa)*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Saya bersetuju dan yakin Dewan yang mulia ini semua bersetuju. Ada perkara yang boleh kita rancang, ada perkara yang boleh kita ambil usaha-usaha supaya sesuatu itu tidak berlaku atau dipanggil dalam bahasa Inggeris contingency plan. Kita hanya boleh merancang tetapi kita manusia. Sesuatu perkara itu tidak dapat dielakkan seperti Yang Berhormat sendiri pergi ke Segamat ada accident dan itu berlaku dan kita semua dalam Dewan pada ketika itu kita berdoa supaya Yang Berhormat sihat dan sembuh daripada kecederaan accident itu. *(Ketawa) (Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tidak tahu anaknya. Anak dia doa tidak tahu sama ada hendak beri sembuh atau tidak. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya ingat biar saya sambunglah. Sebab.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan kalau tidak beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:dari segi.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order, Yang Berhormat. Nanti sekejap ya. Yang ke berapa Kota Melaka?

Tuan Lim Guan Eng: 35(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: "Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya, jika tidak diterangkan sebanyak faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Saya rasa Yang Berhormat dari Rompin memang seorang tycoon. Dia memang masyhur dengan Independent Power Project (IPP). Saya hendak tanya sama ada penglibatannya dalam perbahasan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng:mempunyai percanggahan faedah..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):Yang Berhormat diingatkan, Yang Berhormat boleh bangkitkan point of order tetapi Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk minta penjelasan.....

Tuan Lim Guan Eng: Bukan! Adakah percanggahan kepentingan? (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tanya adakah kepentingan kerana dia terlibat dalam IPP dan dia juga Pengerusi KOBENA.... (*Pembesar suara dimatikan*)KOBENA bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat..... Yang Berhormat Kota Melaka..... (*Pembesar suara dimatikan*) Cukuplah. Saya rasa 35(6) ini tidak kena, walaupun Yang Berhormat Kota Melaka sengaja hendak ambil kesempatan untuk menyentuh soal yang lain, Teruskan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak bertanya sama ada beliau ada kaitan dengan Independent Power Project di Pulau Pinang kerana dia ada EPE Sikap. Dia terlibat dalam EPE Sikap. Dia seorang businessman yang sangat berjaya. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau dia membahaskan perkara ini adakah dia mempunyai conflict of interest?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi itu.....

Tuan Lim Guan Eng: Kita hendak tanya dia. Itu yang saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Kota Melaka cukup jelas. Fahamlah itu, saya sudah buat keputusan dan.....

Tuan Lim Guan Eng: Minta dia jawab dulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):keputusan itu dikekalkan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau dia cakap baru buat ruling. Kita tidak tahu. EPE Sikap — dia memang berjaya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Kota Melaka nampaknya amat frust.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin nanti dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak tahu penjelasan sahaja. (*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa selama ini apa yang Rompin bahaskan itu tidak ada kena mengena dengan apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Kota Melaka. (*Disampuk*) Teruskan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya hendak jawab tetapi oleh kerana ruling telah dibuat oleh Tuan Speaker, saya ikut Tuan Speaker punya ruling. (*Tepuk*) Tadi.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Tanjong bangun. Peraturan Mesyuarat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: 36(1) mengenai relevancy. Yang Berhormat ada hak atau pandangan tetapi memperkecil-kecilkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Satu, malulah. (*Tepuk*) Malu besar dan ini utterly irrelevant pun tetapi itulah kalau sikap Kerajaan Barisan Nasional.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:itulah..... (*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Rompin, saya rasa elok juga balik kepada tajuk. Yang lain itu janganlah terikut-ikut keluar dari tajuk. Ya, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dia kata saya macam tidak memandang berat kepada masalah Pulau Pinang. Kita memandang berat. Menteri pagi hari Ahad telah datang seperti yang saya katakan tadi. Hendak ulang lagi? Tenaga Nasional.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Memperkecil-kecilkan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tidak memperkecilkan. Semua pengurusan TNB berada di Pulau Pinang. Diarah oleh Menteri. Betulkah tidak Menteri? Diarah. (*Tepuk*) Ini yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Main-main dalam perkara ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ketua Pembangkang!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Ini yang sebenarnya. Apa yang kita kata, kita kotakan! Tidak macam DAP. Cakap sahaja! *(Disampuk)* *(Pembesar suara dimatikan)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar dan bertenang. Saya rasa Yang Berhormat Tanjong berilah peluang kepada Rompin berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dia tidak boleh memperkecil-kecilkan masalah rakyat Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)* *(Pembesar suara dimatikan)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan!

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang berlaku? Malu!

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Balik Pulau bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Tanjong tadi cuba hendak memutar belitkan. Yang sebenarnya, bila kita bersetuju membahaskan perkara ini dalam Dewan, kita majoriti yang besar, kita boleh tidak bersetuju tetapi kita sensitif kepada masalah ini sebab itu kita bahas.

Tuan Lim Kit Siang: Setuju tetapi memperkecilkan masalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tidak memperkecilkan. Kalau kita memperkecilkan..... *(Disampuk)*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalankah tidak? Balik Pulau bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Kita tidak memperkecilkan. Nanti. Biar saya jawab baru saya beri jalan. Kita tidak memperkecilkan. Menteri datang sendiri. Usaha telah dibuat. *(Disampuk)* Tanjong yang tanya saya! *(Disampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Manakah jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong!

Beberapa Ahli-ahli DAP: *(Menyampuk)*

Tuan Noh bin Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong, nanti dulu. Tanjong Karang sabar. Saya hendak beri kata dua kepada Tanjong. Walaupun Yang Berhormat tadi sudah buat ucapan panjang lebar, sekiranya Yang Berhormat tidak mengakur apa yang diperintah ataupun diputuskan oleh Kerusi, saya terpaksa bertindak keras. Tanjong Karang bangun atas apa?

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: 35(1). Tetapi tidak apa, Tuan Yang di-Pertua sudah buat rulling, saya bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat Rompin teruskanlah dan itu adalah hak dia sama ada dia hendak sambung atau tidak, masa dia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar apa Yang Berhormat Tanjong kata. Dia mengatakan kita tidak memandang berat kepada masalah ini tetapi cara menyelesaikannya kita berbeza, kita laksanakan. DAP hanya cakap. Itu sahaja bezanya. *(Tepuk)*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Balik Pulau hendak berucap ataupun hendak minta penjelasan?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Rompin. Sebenarnya saya berasa sangat sedih dengan DAP kerana pihak yang terlibat yang paling teruk dalam kes ini adalah rakyat dalam kawasan saya sendiri kerana kebanyakan kilang-kilang dan juga rumah-rumah yang terlibat dalam kes ini adalah daripada kawasan saya sendiri dan saya kesal kerana pihak DAP hendak mendapatkan modal politik (political mileage) daripada kesusahan orang-orang daripada kawasan saya sendiri. (Tepuk)

Tuan Lim Guan Eng: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, jangan cakap liar.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Jadi, soalan saya ialah tadi dalam pada Ketua Pembangkang memusing-musing ke sana sini, dia membawa satu insinuation, dengan izin, bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dengan secara sedar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:telah membenarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Tadi Yang Berhormat kata hendak minta penjelasan ataupun hendak berucap.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ya. Penjelasanlah. Tadi Ketua Pembangkang membuat satu insinuation bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau

Pinang dengan sengaja mengetahui bahawa power failure akan terjadi tetapi tidak berbuat apa-apa. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Rompin, adakah itu caranya kita buat kerja di Barisan Nasional?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau. Kita semua yakin, Barisan Nasional terutama negeri yang terlibat di Pulau Pinang, memang Ketua Menteri mempunyai satu komitmen yang jelas. Sebab itu saya katakan tadi bahawa pada hari Ahad, pagi-pagi lagi beliau sudah menghadiri atau sendiri datang melihat ke kawasan yang ada cable fault, dengan izin.

Saya hendak beralih kepada teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong tentang TNB. Saya nampak mengatakan bahawa.....

Tuan Liew Ah Kim: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seputeh bangun. (Disampuk) Nanti dulu Yang Berhormat, nanti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tak payahlah, tak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia belum beri laluan lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Kalau sanggup hendak bertanding sebagai Setiausaha Agung DAP, saya beri, (Ketawa) kalau betul-betul gagah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat kalau tidak beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tadi, ada Yang Berhormat Tanjong mengatakan bahawa TNB unprofessional, tidak bertanggungjawab.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:..... tak payah, beri saya jawab. Saya baru hendak cuba recollect my thought, dengan izin. (*Disampuk*)

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya minta kalau benar-benarlah DAP ini professional, kalau kita mahu memberi satu judgement satu badan, apa ukurannya? Adakah oleh kerana satu blackout, satu tempat yang juga berlaku seperti saya kata di New York, berlaku seperti di Kobe Jepun, boleh berlaku benda-benda tidak dapat dielakkan, semua kita tidak mahu apa yang berlaku di Pulau Pinang. Adakah oleh kerana satu insiden ini kita melabelkan TNB itu unprofessional, semuanya tak betul, tak bertanggungjawab.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, sila duduk. Sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: 18(3) Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 18(3), ya.

Tuan Lim Guan Eng: Mengikut Peraturan Mesyuarat ini, kita hanya sampai pukul 6.30 petang. Kalau Menteri tak jawab, macam mana kita boleh mendapat kredibiliti. Ini tak pernah

berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali, Menteri ada menjawab, tetapi ini Menteri sudah tidur. Lebih baik Menteri letak jawatan kalau macam ini. (*Pembesar suara dipadamkan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa belum suntuk lagi Yang Berhormat. Janganlah hendak membuat keputusan terburu-buru Yang Berhormat. (*Disampuk*) Ya, cukup jelas itu. (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 18(3) adalah jelas selepas pukul 6.30 petang apa-apa urusan akan lucut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau macam ini, kita tidak ada jawapan daripada Menteri. Apa gunanya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, sila duduk. Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap boleh pastikan Menteri buat kerja, jangan tidur di situ.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.24 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berasa kesal melihat tindak-tanduk ahli-ahli pembangkang, lebih-lebih lagi pada penghujung tadi. Walaupun pada mulanya nampak Ketua Pembangkang mempunyai pendirian yang baik, memberi pandangan seolah-olah beliau mempunyai responsibility. Tetapi akhirnya nampak seperti biasa juga. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Mereka cuma hendak mengaitkan perkara ini dengan soalan politik semata-mata.

Oleh itu saya bersetuju sekali dengan pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli dari Rompin dan saya juga mengesahkan apa yang diterangkan oleh Ahli dari Rompin tadi mempunyai asas yang betul, yang kukuh, yang boleh kita menerima. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masa mungkin tidak cukup tetapi saya minta kebenaran untuk memberi keterangan dari segi kedudukan di Penang. Sebelum saya berbuat begitu, Ahli Yang Berhormat mengatakan saya tidur, saya tidak tidur, saya duduk di sini melihat cara-cara Ahli dari Pembangkang membuat kelakuan yang saya sendiri harap, kalau dapat, memang saya hendak tidur, saya tidak suka tengok macam itu. *(Tepuk)*

Walaupun demikian, saya sukalah menegaskan apa-apa contingency plan pun, apa-apa keadaan pun, kalau benda accident, incident berlaku yang tidak disengajakan, yang di luar dugaan. Kita seorang manusia, begitu juga Tenaga Nasional, sebuah badan korporat, bukannya Tuhan, yang mempunyai keadaan untuk menentukan apa yang boleh berlaku, apa yang tidak boleh berlaku. Ini keadaan yang sebenar.

Tetapi apa yang jelas, Tuan Yang di-Pertua, sebelum bekalan elektrik di Pulau Pinang rosak pada pagi Ahad yang lepas, daripada segi permintaan, jumlah keseluruhan permintaan bekalan elektrik di Pulau Pinang 340 megawatt, dibekalkan melalui 3 kabel di bawah Jambatan Pulau Pinang, berkeupayaan 225 megawatt, 2 kabel dasar laut berkeupayaan 150 megawatt dan sebuah turbine gas di Gelugor berkeupayaan 18 megawatt. Jumlah bekalan keseluruhannya adalah sebanyak 393 megawatt berbanding dengan permintaan atau kegunaan 340 megawatt. Ini adalah mencukupi.

Di samping membekalkan tenaga ini, Tenaga Nasional juga sedang membina turbine gas 110 megawatt di Gelugor untuk menambahkan keupayaan bekalan di seluruh Pulau Pinang. Ini akan mula beroperasi mengikut jadual pada bulan November tahun ini.

Adalah juga jelas bahawa TNB sudah mengambil langkah untuk menambahkan kedudukan bekalan di Pulau Pinang sebelum kerosakan itu berlaku dan juga melaksanakan 2 lagi kabel dasar laut 275 kv yang baru yang berkeupayaan lebih kurang 1,000 megawatt.

Kalaulah kita lihat keadaan ini adalah tidak benar bahawa kerajaan dan Tenaga Nasional tidak sedar atas permintaan bekalan elektrik yang meningkat di Pulau Pinang. Sebaliknya telah berusaha untuk menyediakan bekalan yang mencukupi dan sesungguhnya pembinaan gas turbine dan kabel dasar laut yang baru adalah merupakan langkah bagi menambahkan bekalan elektrik ke Pulau Pinang. Kerosakan serentak yang berlaku kepada 3 kabel elektrik di bawah Jambatan adalah di luar dugaan.

Pada ketika ini sebab kerosakan belum dapat dipastikan dan kita telah juga memastikan untuk Tenaga Nasional menghantarkan sampel-sampel yang terbakar dan juga yang tidak terbakar kepada pembekal kabel dan juga kepada satu makmal bebas untuk diuji. Ini antara langkah untuk kita memastikan apa yang berlaku kepada kabel-kabel tersebut.

Tuduhan Yang Berhormat dari Tanjong itu bahawa TNB lebih mementingkan keuntungannya sendiri dan mengekalkan kebolehan profesional yang tinggi adalah juga tidak berasas. Kalau kita melihat dari segi kedudukan profesionalism TNB sekarang, mereka ialah suatu badan yang mempunyai pakar-pakar tenaga elektrik di negara kita ini. Jika dibanding dengan badan-badan yang lain pun, kita tidak malu dan kita pun menyedari bahawa kepakaran yang ada di bawah Tenaga Nasional ialah satu kepakaran yang kita juga kagumi dengannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, diminta gulung.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, memang susah sedikit, saya pun tidak ada peluang untuk memberi keterangan yang cukup. Tetapi apa yang jelas, oleh sebab masa kita sudah cukup, saya hendak menggulung dengan setegas-tegasnya, kerajaan telah pun membuat tindakan untuk menentukan bekalan elektrik diadakan dengan cukup di Pulau Pinang, usaha giat dijalankan.....

Tuan P. Patto: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Kalau Yang Berhormat Menteri hendak sambung, boleh gunakan Standing Order 90 dengan persetujuan Speaker. Saya beri jalan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, Bagan!

Tuan P. Patto: Point of order 90 kalau hendak gunakan, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi dan Yang Berhormat Menteri sedang habiskan ayatnya, Yang Berhormat jangan ganggu, ya!

Tuan P. Patto: Bukan, point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan P. Patto: Kalau nak beri jawapan yang lebih panjang, saya beri jalan. Mengikut Standing Order 90, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Patto: Saya rujuk kepada Tuan Speaker supaya gunakan Standing Order 90, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bagan, cukuplah.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari pembangkang cuma sengaja hendak mengacau-kacau cara politik. Inilah cara yang telah mereka gambarkan.....

Tuan P. Patto: Saya hendakkan jawapan. Gunakan Standing Order 90, boleh jawab terus. Itu saya beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Bagan, semua orang faham tentang Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order 90. Ini perkara yang penting, sungguh pun masa dibuang tadi oleh kerana ramai yang berucap mengenai perkara ini, tetapi kita bersetuju bahawa Peraturan Mesyuarat digunakan supaya ada masa boleh 'suspend' Standing Order untuk masa yang cukup diberi kepada Yang Berhormat Menteri boleh jawab oleh kerana itu masalah rakyat Pulau Pinang menunggu dan sudah menderita, sungguhpun inilah akibat daripada orang yang mahu main-mainkan isu ini. Kita setuju dan kita tak bantah masa diberikan supaya satu penjelasan yang penuh boleh diberi dan disiapkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, cukup jelas. Yang Berhormat Menteri, penjelasan ataupun jawapan Yang Berhormat Menteri panjang lagikah?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan masa sedikit untuk memanjangkan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya. Yang Berhormat, atas permintaan yang dibangkitkan tadi itu, saya rasa, kalau menurut Peraturan Mesyuarat 90, "Merentikan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat" untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri habiskan jawapan itu, saya rasa ini boleh dibuat. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Kalau perlu, saya boleh cadangkan. Saya rela buat suatu cadangan itu.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keputusan Tuan Yang di-Pertua selari dengan Peraturan Mesyuarat 90, saya akan menyambungkan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. Kena buat usul dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya cadangkan usul ini?

**USUL MERENTIKAN KUATKUASA
PERATURAN-PERATURAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 90**

6.34 ptg.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Mengikut Peraturan Mesyuarat 90 bahawa dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Kuarakuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat direntikan untuk memutuskan usul ini.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut Peraturan Mesyuarat 90 bahawa dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Kuarakuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat direntikan untuk memutuskan usul ini.

USUL

**KEPUTUSAN BEKALAN TENAGA
ELEKTRIK DI PULAU PINANG**

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi terima kasih oleh kerana diberi peluang untuk memanjangkan jawapan atas beberapa perkara yang penting, yang memerlukan kita merentikan Peraturan Mesyuarat untuk menjelaskan kedudukan bekalan elektrik di Pulau Pinang. Ini pihak saya sendiri dan pihak kerajaan bersetuju untuk menegaskan sekali lagi bahawa kita dari kerajaan memandang berat kedudukan gangguan bekalan elektrik di Pulau Pinang yang berlaku sekarang, bahkan kerajaan sedar kesan gangguan bekalan elektrik itu kepada pengguna-pengguna yang mengalami kerugian dan kesulitan, ini perkara yang kita terima. Ini juga sebab kita bersetuju untuk perkara ini dibahas dalam Dewan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong selain dari mempersoalkan 'contingency plan' dan 'proper planning' dan sebagainya, juga ada menyebut dari segi 'rule-of-law': adakah Tenaga Nasional patut diarah untuk memastikan pampasan diberi kepada mereka yang mungkin mendapat kerugian akibat dari kedudukan bekalan yang terputus di Pulau Pinang? Saya kluatir, bahawa Ahli dari Tanjong ialah seorang peguam yang sepatutnya pakar dalam segi undang-undang, begitu juga kita dari pihak kerajaan memang menghormati dari segi undang-undang di negara kita ini dan begitu juga Tenaga Nasional Berhad sebagai satu badan korporat juga tergantung kepada undang-undang yang ada di negara kita ini. Pihak kerajaan tidak pun berhasrat untuk menghalang tindakan yang mungkin boleh disoalkan asalkan ianya terbataskan mengikut lunas undang-undang di negara kita ini. Saya fikir.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Soalan bukan sama ada halangan atau sesiapa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Tenaga Nasional, tetapi sama ada kerajaan bersetuju bahawa patut adil supaya ada satu undang-undang di mana TNB bertanggungjawab ke atas semua kerugian, selain daripada TNB boleh membuktikan ia tidak lalai. Kalau kita tidak ada undang-undang masa kini, bawa satu pindaan kepada rang undang-undang supaya tanggungjawab ini boleh ditetapkan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Tanjong memang sedar bahawa peraturan undang-undang di negara kita ini ialah suatu perkara yang merangkumi semua badan dan semua golongan rakyat atau pun badan korporat masing-masing. Saya percaya keadaan yang berlaku di Pulau Pinang ataupun berlaku yang mengakibatkan kedudukan perkhidmatan mana-mana badan yang ada sudah pun dirangkumi oleh undang-undang yang sedia ada di negara kita ini. Saya tidak pun nampak keperluan kita hendak membincangkan secara khusus perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Apa yang jelas, Kerajaan Barisan Nasional terikat kepada apa yang termaktub di segi undang-undang negara kita ini dan Tenaga Nasional sendiri pun suatu badan korporat, seperti juga badan-badan korporat yang lain begitu juga. Jadi, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu saya fikir tidaklah timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tidak payahlah jelaskan fasal itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir penjelasan yang saya sudah beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sudah pun mencukupi. Kalaulah Yang Berhormat itu mempunyai pandangan yang berbeza dan berlainan, itu keperluan Yang Berhormat sendiri, itu pun 'it is your option', dengan izin.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyentuh dari segi soalan 'privatisation', seolah-olah 'privatisation' ini membuat keadaan yang berlaku sekarang di Pulau Pinang. Saya sukalah menegaskan bahawa 'privatisation' dan pelaksanaan 'privatisation policy' di negara kita ini telah membantu bukan sahaja negara, bukan sahaja kerajaan, tetapi negara pada keseluruhannya dan rakyat pada keseluruhannya untuk dapat menikmati paras kemajuan yang amat meningkat sekali. Kalau tidak, dari segi kita melaksanakan polisi privatisation ini, sudah tentu kedudukan ekonomi dan tahap pembangunan ekonomi negara kita sekarang mungkin tidak ke taraf yang tinggi seperti yang kita lihat sekarang. Oleh itu, privatisation policy ini berjaya dan bukan oleh sebab privatisation policy, maka perkara itu berlaku. Perkara itu berlaku oleh kerana keadaan yang tidak disangka. Itu sebab ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas, apa yang penting, kerajaan mengakui insiden di Pulau Pinang itu telah pun berlaku dan gangguan bekalan elektrik sudah pun berlaku. Kerajaan terus mengambil tindakan yang tegas untuk menentukan cara dan tindakan membaik-pulihkan supaya keadaan berjalan dengan lancar, dan kerja-kerja baik pulih sekarang pun sedang berjalan dengan giat.

Saya sukalah memberi pujian kepada kakitangan-kakitangan TNB yang terlibat dengan kerja-kerja sekarang. Mereka menjalankan pekerjaan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, round-the-clock, walaupun mempunyai keletihan. Walaupun kita boleh mempersoalkan perkara ini di Dewan ini, mereka yang bertugas di Jambatan Pulau Pinang sekarang, mereka yang menentukan bahawa kerja untuk membaik-pulihkan bekalan elektrik dapat berjalan dengan cepat, dapat berjalan dengan baik dan untuk menentukan bekalan elektrik dapat disalur ke Pulau Pinang dengan secepat yang mungkin.

Saya fikir, kita di Dewan ini patut memberi pujian kepada mereka yang terlibat. (*Tepuk*) Saya juga sukalah memberi ulasan sedikit dari segi kedudukan pegawai-pegawai atau kakitangan Tenaga Nasional menguruskan catuan bekalan elektrik di Pulau Pinang. Catuan itu memanglah tidak dapat dielakkan.

Dalam mengadakan catuan, kepentingan semua pihak seperti pengguna industri, komersil dan domestik telah diambil kira dan pada keseluruhannya jadual yang dilaksanakan adalah mengikut apa yang dipersetujui dan sedang berjalan dengan memuaskan. Namun, dalam melaksanakannya, saya tidak menafikan ada kemungkinan sesetengah catuan tidak memenuhi kehendak pengguna tertentu kerana constraint technical dan sebagainya. Walaupun demikian, pihak Tenaga Nasional adalah peka terhadap kehendak-kehendak pelanggan dan sentiasa berusaha dalam menentukan catuan yang berkesan dijalankan. Dan untuk ini, seperti yang telah juga diterangkan oleh Yang Berhormat dari Rompin, Tenaga Nasional telah menghantar lebih ramai pegawai kanannya untuk mengawasi dan membantu melaksanakan catuan bekalan elektrik dengan lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jelas apa yang telah kita buat, kejadian itu ialah satu kejadian yang berlaku luar dari dugaan kerajaan. Walau apa pun contingency plan, walau apa pun planning yang perlu dibuat, kalaulah benda itu berlaku yang di luar jangkaan kita, kita pun terkena juga kesan yang buruk seperti ini. Bagi saya, apa yang penting sekarang ialah kita hendak mengambil langkah untuk menentukan kerja-kerja membaikpulihkan berjalan dengan lancar dan cepat.

Yang keduanya, saya sedar kejadian ini boleh menjadi panduan bagi kita menentukan adakah bekalan elektrik di Pulau Pinang sekarang dikaji semula atau tidak. Saya menerima kemungkinan kita

memerlukan kajian semula itu dan juga apa yang kerajaan telah putuskan, kita telah menetapkan, melaksanakan beberapa projek yang baru.

Yang ketiga, 2 x 275 k.v. lines, dengan izin, berkeupayaan 1,000 megawatt; satu jenis gas turbine 110 megawatt. Dan Kabinet baru-baru ini pun telah memutuskan bahawa Tenaga Nasional patut juga mengkaji kemungkinan membina suatu lagi power station, dengan izin yang boleh ditempatkan di Pulau Pinang, yang tidak terikat kepada grid nasional. Dengan tindakan serupa itu, walaupun ada kejadian yang berlaku, kedudukan bekalan elektrik boleh dibuat dengan lebih selamat.

Tuan Yang di-Pertua, jelas bagi pihak kerajaan kita akan membuat pendirian untuk menentukan tindakan bagi menjamin kedudukan bekalan elektrik lebih selamat dibuat. Walaupun demikian, saya tidak akan memberi jaminan, tidak ada berlaku keputusan 100% — itu bukan jaminan yang sesiapa boleh buat. Kita cuma dapat memberi jaminan, kerajaan akan mengambil tindakan untuk cuba mencari cara, untuk menentukan kita bersedia membuat plan, membuat apa-apa pun untuk menentukan kejadian serupa itu tidak lagi berlaku. Dengan izin, we will try, the government will, has always been, and will continue to try, to make sure that the situation of electricity supply in this country is stable and sufficient. That the government will do. If you want the government to guarantee that there will never be any breakdown, no government can do that. Neither in this country, nor in any other part of the world. This we must know and realise.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penjelasan yang sedemikian mengucapkan terima kasih kerana peluang yang telah diberi bagi saya menjelaskan kedudukan yang sebenar. (*Tepuk*)

**RANG UNDANG-UNDANG ZON
BEBAS (PINDAAN) 1995**

Perbahasan disambung semula.

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa.

**(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)**

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

AKTA KASTAM 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) dan (No. 8) 1994
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) hingga (No. 16) 1994
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1995 hingga (No. 3) 1995

6.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1994;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1994;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1994;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1994;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1994;

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1994;

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1994;

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1994;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1994;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1995;

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1995;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131 dan 132, disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1994 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti import ke atas sanitary towel dan tampons daripada 30% atau 5 sen seunit dan 35% atau 6 sen seunit kepada 30% selaras dengan dasar mengkaji semula perlindungan tarif yang telah lama diberi kepada sesuatu industri.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1994 adalah bertujuan untuk mengenakan semula duti spesifik sebanyak RM2.50 sen per kilogram ke atas semua jenis tayar yang diimport bagi menjamin industri tayar tempatan mendapat perlindungan tarif yang lebih berkesan. Dengan ini semua jenis tayar adalah dikenakan duti import sebanyak 30% atau RM2.50 sen per kilogram yang mana lebih tinggi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1994 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas ayam hidup, anak-anak ayam, daging ayam serta lain jenis 'life poultry' dan daging-daging ternakannya. Langkah ini diambil untuk tujuan membendung kenaikan harga ayam yang kian meningkat pada masa ini.

Pindaan Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1994 adalah bertujuan untuk meminda Perintah Duti Kastam 1988 bagi mengadakan kod tarif spesifik ke atas beberapa bahan kimia CFC dan Halon untuk mengawal pergerakan dan penggunaan bahan-bahan kimia tersebut bagi mematuhi Persetujuan Montreal yang telah ditandatangani oleh kerajaan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1994 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas Titanium Dioxide Pitment sebagai perlindungan sementara kepada pengeluar Titanium Dioxide Pitment tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1994 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas minyak tanah dan gas cecair petroleum (LPG) bagi menyelaraskannya dengan duti eksais ke atas dua barangan tersebut yang telah dihapuskan dalam Belanjawan 1995 yang lalu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1994 bertujuan untuk menurunkan kadar duti eksport minyak mentah daripada 25% kepada 20% bagi menggalakkan aktiviti carigali dan penerokaan minyak petroleum, minyak dan gas di Malaysia.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1994 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas joss paper-cut non-scented, joss paper in roll or sheet, joss sticks non-scented, the inscent coil dan menurunkan kadar duti import ke atas candles daripada kadar 25% kepada 15% selaras dengan keputusan kerajaan menghapuskan duti import ke atas semua barangan yang digunakan bagi tujuan keagamaan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1994 adalah bertujuan untuk memperkenalkan gred petrol di Semenanjung Malaysia kepada dua gred iaitu gred petrol tanpa plumbum Ron 97 dan gred petrol berplumbum Ron 92 bagi menggantikan gred petrol berplumbum premium Ron 92 dan gred petrol regular Ron 85.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1995 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas elevators and parts kepada 20% sebagai perlindungan sementara kepada pengeluar elevator tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1995 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas motosikal besar berkuasa 500 c.c. daripada 120% kepada 60% bertujuan untuk menggalakkannya sebagai hobi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1995 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti import ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang bagi membahas mengenai petroleum tanpa plumbum dan petroleum berplumbum.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan mengapa kita mesti mengenakan cukai lagi walhal kita hendak menggalakkan orang menggunakan petroleum tanpa plumbum di negara ini.

Satu lagi, mengenai tayar. Tayar import dikenakan cukai dan sebagainya walhal sekarang kita hendak menggalakkan perdagangan yang lebih bebas dengan tarif-tarif dikurangkan atau dihapuskan sama sekali. Jadi, mengapakah kita mesti mengadakan tarif ke atas tayar import? Adakah itu bermakna bahawa tayar yang

dikeluarkan dalam Malaysia ini tidak cukup untuk bersaing dengan negara-negara lain? Walhal kita mempunyai teknologi yang baik, yang canggih untuk mengeluarkan tayar. Mengapa kita hendak dikenakan perlindungan tarif ke atas produk kita? Cukuplah! Kita hendakkan zon ekonomi bebas, bukannya zon duti bebas, zon industri bebas tetapi zon ekonomi bebas kerana itu hasrat kita di dalam CEPT-ASEAN yang baru diadakan. Mengapa kita hendak mengadakan tarif ke atas tayar import pula? Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab, ya.

6.58 ptg.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Tujuan Perintah ini ialah untuk memperkenalkan gred petrol di Semenanjung Malaysia ditetapkan kepada dua gred sahaja iaitu gred petrol tanpa plumbum dan gred petrol berplumbum bagi menggantikan yang dahulu gred petrol berplumbum premium. Ada premium di hujungnya itu dan gred petrol regular. Jadi, sekarang ini kita introduce, dengan izin, dua sahaja iaitu plumbum Ron 92 dan tanpa plumbum Ron 97,

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam No. 8 adalah bertujuan untuk mengenakan semula duti spesifik ke atas semua jenis tayar yang diimport bagi menjamin industri tayar tempatan perlindungan tariff yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, semua jenis tayar sama ada, dengan izin, new atau used, phenomatic tyres atau retreaded tyres, yang diimport dan di bawah kod tariff yang berkenaan adalah dikenakan duti import sebanyak 3% atau RM2.20 kg. yang mana lebih tinggi.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu masalahnya kita ada industri tayar yang canggih juga sekarang dan kita hendak adakan CEPT di seluruh ASEAN. Kita hendak galakkan Zon Ekonomi Bebas. Sekarang kita adakan duti ke atas tayar import pula. Apakah maksud?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Timbalan Menteri hendak jawab?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen adakah Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa Yang Berhormat dari Kepong dia terkeliru kerana segala Perintah Duti Kastam yang dibuat di sini adalah mengikut rancangan-rancangan ataupun pemotongan dan penambahan cukai yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di bulan Oktober yang lalu. Jadi, masa itu kita telah membahaskan perkara ini dengan panjang lebar. Mengapa dibangkitkan lagi soal ini, kerana soal kenaikan tayar itu adalah soal untuk tahun ini. Soal CEPT itu kita diberi masa selama beberapa tahun untuk menyelesaikannya. Yang Berhormat tanya soal spesifik macam ini, pada hal benda ini telah pun diselesaikan dalam perbincangan Budget yang lalu. Adakah Yang Berhormat setuju dengan apa yang saya kata?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, sekejap.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Saya tanya Setiausaha Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, bukan tanya dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sudah diselesaikan. Tidak diselesaikan, kita baru hendak bahas. Kalau diselesaikan mengapa kita hendak bahas sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Setiausaha Parlimen.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Kertas statut yang patut dibentangkan cara prosedur sahaja, kerana perkara ini telah pun dibahaskan dan telah pun dikuatkuasakan pada 22hb September 1994. Seperti juga statut yang lain dibawa kemari tetapi tidak dibentangkan. Tetapi oleh kerana ini merupakan satu prosedur, dengan izin, kita bentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis, Kepong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1994;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1994;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1994;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1994;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1994;

- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1994;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1994;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1994;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1994;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1995;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1995;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131 dan 132 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1994;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1995

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1994;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 133 dan 134 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (No. 7) 1994 adalah bertujuan untuk memperkenalkan dua gred petrol iaitu gred petrol tanpa plumbum (Ron. 97) dan gred petrol berplumbum (Ron. 92) bagi menggantikan gred petrol plumbum (Ron. 97) dan gred petrol regular (Ron. 95).

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1995 adalah bertujuan untuk meminda kadar Duti Eksais ke atas barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7) 1994;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 133 dan 134 disahkan.

**PENYATA KHAS JAWATANKUASA
PEMILIH DEWAN RAKYAT,
PARLIMEN YANG KESEMBILAN**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 86(5), supaya perintah berikut:

- (i) Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Kesembilan menurut Peraturan Mesyuarat 86(3) untuk dibentang di atas meja mesyuarat;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 1995 diterima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Majlis iaitu pada 12hb Jun, 1995 Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi Parlimen Kesembilan telah pun dilantik di mana Tuan Yang di-Pertua dipilih menjadi Pengerusinya. Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut ialah seperti berikut:

- (i) Y.A.B. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim;
- (ii) Y.B. Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik;
- (iii) Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu;
- (iv) Y.B. Dato' Leo Moggie anak Irok;
- (v) Y.B. Dato' Osu bin Haji Sukam;
- (vi) Y.B. Tuan Lim Kit Siang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan iaitu Jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 22hb. Jun 1995 dan telah memilih Ahli-ahli Dewan untuk Jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

- (i) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara;
- (ii) Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat;
- (iii) Jawatankuasa Dewan; dan
- (iv) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Senarai nama-nama Ahli yang telah dilantik dan nama Jawatankuasa yang dianggotai oleh mereka telah pun dinyatakan di dalam penyata khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat pada 26hb Jun 1995 sebagai Kertas Dewan Rakyat DR. 1 Tahun 1995. Susulan dari itu, melalui peruntukan Peraturan Mesyuarat 86(5), saya ingin mencadangkan dalam Majlis supaya penyata Jawatankuasa Pemilih itu diterima. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 86 (5), supaya perintah berikut:

- (i) Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Kesembilan menurut Peraturan Mesyuarat 86(3) untuk dibentang di atas meja mesyuarat;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 1995 diterima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah sampai kepada penghujung sesi ini. Saya bagi pihak Yang di-Pertua dan rakan sejawat saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua Ahli-ahli, dan mengucapkan syabas kepada Ahli-ahli yang baru yang nampaknya begitu giat mengambil bahagian dalam perbahasan. Mudah-mudahan kita berjumpa lagi di sesi yang akan datang, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.08 malam.